

BAB PERTAMA

LATAR BELAKANG ‘ALĪ BIN ABĪ ṬĀLIB (R.’A)

1.1 - Latar belakang ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a):

1.1.1 - Nama:

Nama sebenar ‘Alī (r.a) ialah ‘Alī bin Abī Ṭālib bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay bin Kilāb bin Murrah bin Lu’ī bin Ghālib bin Fihri bin Mālik bin al-Naḍr bin Kinānah bin Khuzaymah bin Mudrikah bin Ilyās bin Muḍar bin Nazar bin Ma‘ad bin ‘Adnān.

Dalam beberapa buah hadith menyebutkan bahawa nama ‘Alī yang diberikan kepadanya adalah berdasarkan kehendak dan pilihan Allah (s.w.t) sendiri, mengambil sempena nama-Nya, ‘Alīy.¹ Kenyataan ini dibuktikan menerusi hadith yang menunjukkan bahawa Fāṭimah bint Asad dan Abū Ṭālib telah bermunajat kepada Allah (s.w.t) untuk mendapatkan kepastian tentang nama yang Allah (s.w.t) sendiri kehendaki lalu dikatakan Allah *al-Qāhir al-‘Alīy* telah menetapkan namanya sebagai ‘Alī yang diambil bersempena nama-Nya, ‘Alīy, Tuhan yang Maha Agong.²

Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) juga dikatakan telah memberikan nama ‘Alī kepadanya menurut nama yang ditetapkan Allah, dan justeru ‘Alī (r.’a) terus kekal mewarisi nama tersebut dari zaman Jahiliyyah sehingga ke zaman Islam.³

¹ Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifāyah al-Ṭālib*, h.234; Ibn Syādhān, *Mi’ah*, h.43-44; al-Amin, *A’yān al-Syī’ah*, (bhg.I), III, h.3.

² Al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanābi‘ al-Mawaddah*, I, h.255; al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *ibid*, h.408.

³ Muhibb al-Dīn al-Tabari, *Dhakhā’ir al-‘Uqbā*, h.56.

Ibunya, Fātimah bint Asad dikatakan menamakan beliau (r.'a) sebagai *Asad* mengambil sempena nama bapanya Asad bin Hāsyim, manakala dalam sumber lain pula dikatakan dengan nama *Haydar* atau *Haydarah*⁴ kerana *Haydarah* adalah salah satu nama Asad.

Menurut al-Tabarsi⁵, nama ⁶Ali⁷ (r.'a) memang terdapat dalam kitab-kitab samawi terdahulu dan beliau lebih dikenali sebagai *Haydarah*.⁵ Bagaimanapun, dalam beberapa keterangan dan sumber yang lain pula menyebutkan bahawa bapanya, Abū Tālib tidak bersetuju dengan nama tersebut dan telah mengubahkan nama *Haydarah* atau *Asad* dengan nama ⁶Ali,⁶ dengan alasan supaya beliau akan sentiasa berada dalam kemuliaan (*al-'uluw*) dan mendapat penghormatan yang tinggi. Justeru, ⁶Ali⁷ (r.'a) pernah mengatakan: “Akulah yang dinamakan ibuku *Haydarah* iaitu *al-Asad*.” Kenyataan tersebut bersesuaian dengan sabda Rasulullah (ṣ.a.w): “ ⁶Ali⁷ *Asad-Allah* dan *Asad* Rasul-Nya (ṣ.a.w).⁷

Nama ⁶Ali⁷ (r.'a) bahkan sudah lama dikenali dalam kitab-kitab suci yang terdahulu. Kitab al-Tawrāt menyebutkan namanya, *Ilyā* dan kerana itu, orang-orang Yahudi mengenali ⁶Ali⁷ (r.'a) sebagai *Ilyā*, manakala kitab al-Injīl pula menggelarkannya *Ilyā* dan orang-orang Nasrani memanggilnya dengan nama *Ilyā*

⁴ Al-Tabarsi⁵, *al-Iḥtijāj*, I, h.206; h.135-145; al-Hākim, *al-Mustadrak*, II, h.385; al-Kanjī al-Syāfi'i⁷, *Kifāyah al-Tālib*, h.277; Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakhā'ir al-'Uqbā*, h.78; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khwāwāṣ*, h.3-4; al-Amin, *A'yān al-Siyāh*, (bhg.I), III, h.4.

⁵ Al-Tabarsi⁵, *ibid*, I, h.206-207.

⁶ Al-Tabarsi⁵, *ibid*, I, h.206; al-Qāndūzī al-Hanafī, *Yanābi' al-Mawaddah*, I, h.202; Muhibb al-Din al-Tabari, *op.cit*, h.57; Ibn al-Maghāzīlī, *Manāqib*, h.20; Ibn Abī al-Ḥadid, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, I, h.12; al-Khwārizmī, *al-Manāqib*, h.37; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.4.

⁷ Al-Kanjī al-Syāfi'i⁷, *op.cit*, h.103; Sibṭ ibn al-Jawzī, *op.cit*, h.4.

sedangkan al-Qur'ān pula menamakannya ‘Alī.⁸ Al-Mas‘ūdī menjelaskan bahawa seorang pendita (*rāhib*) yang mengetahui kandungan kitab-kitab samawi sebelumnya, telah mengatakan bahawa nama anak (Fātimah bint Asad) terdiri daripada tiga (3) huruf dan bahkan sifat-sifat Nabi dan ‘Alī dikatakan telah termaktub di dalam *al-Asfār*, *Zabūr*, *suhuf* Nabi Ibrāhīm ('a.s) dan Nabi Mūsā ('a.s).⁹ Berhubung dengan ayat al-Qur'ān berikut yang bermaksud:

“ Kemudian Ādam menerima beberapa kalimah daripada Tuhananya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang,”¹⁰

Sa‘id bin Jubayr meriwayatkan daripada Ibn al-‘Abbās yang mengatakan bahawa: “ Nabi (ṣ.a.w) ditanya mengenai beberapa kalimah yang Nabi Ādam ('a.s) pelajari sehingga menyebabkan taubatnya diterima. Nabi (ṣ.a.w) bersabda dengan maksud: “ Dia (Ādam) memohon keampunan daripada Allah (s.w.t) menerusi nama-nama Muḥammad, ‘Alī, Fātimah, al-Hasan dan al-Husayn lalu Allah menerima taubat dan mengampuninya.”¹¹ Kenyataan tersebut dikatakan menjadi bukti bahawa nama ‘Alī (r.'a) sudah pun diketahui oleh Nabi Ādam ('a.s) selepas baginda diturunkan ke bumi.

Hampir semua kitab samawi menyebutkan bahawa nama-nama Muḥammad (s.'a.w) dan ‘Alī (r.'a) telah dihubungkan dengan kenabian dan kepemimpinan (*al-Imāmah*) mereka kerana Allah (s.w.t) telah mengurniakan nama-nama tersebut kepada

⁸ Al-Ṭabarī, *al-Iḥtijāj*, I, h.206.

⁹ Al-Mas‘ūdī, *Ithbāt al-Wasiyyah*, h.136-137.

¹⁰ Al-Qur'ān, surah al-Baqarah (2): 37.

¹¹ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanābi‘ al-Mawaddah*, I, h.97; Ibn al-Maghāzilī, *Manāqib*, h.59.

mereka berdua beribu-ribu tahun sebelum penciptaan mereka dan malahan nama-nama tersebut sudah termaktub di semua lapisan langit, pintu-pintu syurga dan juga ‘Arasy.¹²

Dalam sebuah hadith dikatakan bahawa nama Nabi Muhammad (ṣ.a.w) dan ‘Alī (r.a) telah pun digandingkan bersama-sama pada empat (4) tempat, iaitu pada batu besar (*sakhrah*) di Bayt al-Muqaddis, Sidrah al-Muntaha, ‘Arasy dan al-Jannah.¹³

1.1.2 - Kunyah:

‘Alī bin Abī Tālib (r.a) mempunyai beberapa *kunyah*, dan di antara *kunyahnya* ialah Abū al-Ḥasan,¹⁴ Abū al-Ḥusayn,¹⁵ Abū Muḥsin¹⁶ dan Abū Muḥammad.¹⁷ Keempat-empat *kunyah* tersebut adalah berdasarkan nama anak-anak beliau sendiri. Menurut Ibn Abī al-Ḥadīd, anak ‘Alī (r.a) iaitu al-Hasan (r.a) memanggil bapanya dengan *kunyah* Abū al-Ḥusayn manakala al-Ḥusayn (r.a) pula memanggilnya dengan Abū al-Hasan pada masa Rasulullah (ṣ.a.w) masih hidup,¹⁸ sedangkan al-Khwārizmī

¹² Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifāyah al-Tālib*, h.234; al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanābi‘ al-Mawaddah*, I, h.94; h.206-207; h.255; Ibn al-Maghāzīlī, *Manāqib*, h.76; al-Suyūtī, *al-Khaṣā’is al-Kubrā*, I, h.18.

¹³ Al-Qandūzī al-Hanafī, *ibid*, I, h.256.

¹⁴ Al-Bukhārī, *Sahīh*, IV, h.207; al-Mas‘ūdī, *Muriy al-Dhahab*, II, h.350; Ibn al-Athīr, *Uṣd al-Ghābah*, IV, h.91; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-İstī‘āb*, II, h.456; Ibn al-Maghāzīlī, *op.cit*, h.21; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakhā’ir al-‘Uqbā*, h.56; *al-Riyād al-Nadirah*, III, h.104; Ibn al-Jawzī, *Ṣifat al-Ṣafwah*, I, h.308; Ibn Hajar al-Asqalānī, *al-Isābah*, II, h.507; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, I, h.11; al-Dawlabī, *al-Kunan wa al-Asmā’*, h.8-9.

¹⁵ Abū al-Farj al-İsfahānī, *Maqātil al-Tālibiyyīn*, h.39; al-Amīn, *A‘yān al-Siyāh*, (bhg.I), III, h. 9.

¹⁶ Ibn Qutaybah, *al-Ma‘ārif*, h.67.

¹⁷ Al-Khwārizmī, *al-Manāqib*, h.38.

¹⁸ Ibn Abī al-Ḥadīd, *op.cit*, I, h.11.

pula mengatakan *kunyah* Abū al-Hasan dan Abū al-Ḥusayn hanya disebutkan selepas Rasulullah (ṣ.‘a.w) wafat.¹⁹

Di samping itu, beliau mempunyai beberapa *kunyah* yang lain iaitu *Abū Turāb*,²⁰ *Abū al-Rayḥānatain*²¹ dan *Abū al-Sibṭain*.²² Di antara kesemua *kunyah* tersebut, *Abū Turāb* merupakan *kunyah* yang paling istimewa kerana ia dianugerahkan Rasulullah (ṣ.‘a.w) sendiri dan ‘Alī (r.‘a) sendiri dikatakan lebih suka sekiranya beliau dipanggil dengan *kunyah* tersebut,²³ dan dalam persoalan ini, terdapat begitu banyak hadith yang menyokong kenyataan tersebut.²⁴

Walau bagaimanapun, Bani Umayyah mengambil kesempatan mengancam para pemidato khutbah mereka supaya mencela ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.‘a) dengan *kunyah* itu di mimbar-mimbar masjid (*al-manābir*) dan mereka menganggapkannya sebagai kekurangan dan keibaian (*wasmah*) ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.‘a).²⁵

¹⁹ Al-Khwārizmī, *Maqaqib*, h.40.

²⁰ Al-Bukhārī, *Sahih*, IV, h.208; Muslim, *Sahih*, IV, h.1874-1875; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.56-57; al-Syablanjī, *Nur al-Ābsar*, h.90; Ibn al-Maghāzilī, *Maqaqib*, h.21; Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghabah*, IV, h.91; *Jami’ al-Usul*, VIII, h.662-663; al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, I, h.201; Ibn al-Jawzī, *Sifat al-Safwah*, I, h.308; al-Bahrānī, *Ghayah al-Maram*, h.14-15; al-Dawlābī, *al-Kunan wa al-Asma’*, h.8-9. Lihat: “Abū Turāb,” dlm. Etan Kohlberg (ed), *Belief and Law in Imami Shi’ism*, h.347-352.

²¹ Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *ibid*, h.56-57; *al-Riyad al-Nadirah*, III, h.104; Ibn al-Maghāzilī, *ibid*, h.21; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.5; al-Nawawī, *Tahdhīb*, I, h.344; ‘Alī Āl Muhsin, *Dalil al-Mutahayyirin*, h.244.

²² Ibn al-Āthīr, *op.cit*, IV, h.91.

²³ Al-Bukhārī, *op.cit*, IV, h.208; Muslim, *op.cit*, IV, h.1875; al-Nawawī, *op.cit*, I, h.344; ‘Alī Āl Muhsin, *op.cit*, h.244; al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg.I), III, h.9.

²⁴ Al-Syablanjī, *op.cit*, h.90; Ibn al-Maghāzilī, *op.cit*, h.22-23; Sibṭ ibn al-Jawzī, *op.cit*, h.5; al-Khwārizmī, *al-Maqaqib*, h.38-39; al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafa’*, h.166.

²⁵ Ibn Abī al-Hadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.11-12; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *al-Riyad al-Nadirah*, III, h.105; Abū al-Farj al-Isfahānī, *Maqatil al-Talibiyin*, h.40; al-Khwārizmī, *ibid*, h.38; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.9.

1.1.3 - Laqab:

^cAli bin Abi Tālib (r.a) mempunyai begitu banyak *laqab* (gelaran kehormat) berdasarkan keterangan al-Khwarizmi.²⁶ Secara umumnya, beliau lebih dikenali dengan *laqab al-Murtadā*,²⁷ *Amīr al-Mu'minīn*,²⁸ dan *Imām al-Muttaqīn*.²⁹

Pelbagai *laqab* lain yang diberikan kepadanya³⁰ ialah *Baydah (Bayd) al-Balad*, *al-Amin*, *al-Syarif*, *al-Hādi*, *al-Muhtadi*, *Dhī al-Udhun al-Wa'i*. Menurut keterangan al-Kanji al-Syāfi'i,³¹ *laqab Dhī al-Udhun al-Wa'i* diberikan kepada ^cAli (r.a) berhubung dengan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“ agar diperhatikan oleh telinga yang mendengar.”³²

1.1.4 - Kelahiran:

^cAli bin Abi Tālib (r.a) dilahirkan pada hari Jumaat 13 Rajab tahun 22 sebelum Hijrah, 30 tahun selepas Tahun Gajah bersamaan 570M, di dalam Ka'bah, rumah Allah

²⁶ Al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.40-45.

²⁷ Ibn Syādhān, *Mi'ah*, h.50; al-Amin, *A'yān al-Syi'ah*, (bhg.I), III, h.10; al-Šadūq, *Amali*, III, h.477; al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, XXXVII, h.99.

²⁸ Al-Tabarsi, *al-Iḥtijāj*, I, h.125; Ibn Syādhān, *ibid*, h.51.

²⁹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.129; Ibn al-Āthīr, *Jami' al-Usul*, VIII, h.656.

³⁰ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.57; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.202; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadkirah al-Khawwas*, h.5.

³¹ Al-Kanji al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.108-109; al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthur*, VI, h.260; al-Khwārizmī, *op.cit*, h.282-283; h.236; al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.87; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.66.

³² Al-Qur'an, surah al-Hāqqah (69): 12.

(s.w.t) yang suci di kota Makkah al-Mukarramah.³³ Dikatakan bahawa tiada seorang manusia pun sama ada sebelum mahupun selepasnya, bermula dengan Nabi Ādam ('a.s) sehingga kepada Nabi Muḥammad (ṣ.'a.w) pernah dilahirkan di dalam Ka'bah, rumah Allah.³⁴ Ini secara langsung menjadi suatu tanda kemuliaan dan keistimewaan pada pandangan Allah (s.w.t) dengan kedudukannya diangkat oleh-Nya (s.w.t) sendiri.³⁵

Pada ketika itu, ibunya Fāṭimah bint Asad sedang melakukan tawaf di Ka'bah, dan pada saat-saat hampir melahirkannya, beliau dikatakan telah diberikan ilham supaya memasuki rumah Allah tersebut dan melahirkan Ḥalīl (r.'a) di dalam binaan tersebut.³⁶

Rasulullah (ṣ.'a.w) amat menyayanginya sehingga baginda mengatakan Ḥalīl bin Abī Tālib (r.'a) adalah saudara, wali, penolong, penyuci (*safī*), pemegang wasiat (*waṣī*), penyimpan khazanah (*dhakḥīrah*), teman di gua (*kahfī*), menantu (*sahṛī*) dan suami kepada Fāṭimah (r.'a) yang merupakan lambang kemuliaan baginda dan pemegang amanah (*amīn*) wasiat baginda (ṣ.'a.w).³⁷

Ḥalīl bin Abī Tālib (r.'a) merupakan salah seorang tokoh Bani Hāsyim dan beliau juga adalah khalifah pertama daripada bani tersebut³⁸ dan juga salah seorang *al-Khulafā'*.

³³ Al-Mas'ūdī, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.140-141; Ibn al-Šabbāgh al-Mālikī, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.30; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.178; al-Diyārbakrī, *Tarikh al-Khamis*, I, h.379; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarḥ Nahj al-Balaghah*, I, h.14; al-Baqrānī, *Ghayah al-Maram*, h.13.

³⁴ Al-Mas'ūdī, *ibid*, h.129; Ibn al-Šabbāgh al-Mālikī, *ibid*, h.30.

³⁵ Al-Kanji al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.407; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.85; al-Bahrānī, *op.cit*, h.13.

³⁶ Al-Kanji al-Syāfi'i, *ibid*, h.406-407.

³⁷ Al-Mas'ūdī, *Ithbāt al-Wasiyyah*, h.140-141.

³⁸ Ibn al-Athīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.91; al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafā'*, h.166; al-Nawawī, *Tahdhīb*, I, h.344.

al-Rasyidin al-Mahdiyyin. Selain itu, beliau juga merupakan tokoh Bani Hāsyim pertama yang lahir dengan kedua-dua ibu bapanya berasal daripada keturunan Bani Hāsyim.

1.1.5 - Silsilah keturunan:

Dari segi silsilah keturunan ^cAlī (r.^{‘a}) adalah seperti berikut: ^cAlī bin Abī Ṭālib bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin Hāsyim³⁹ bin ‘Abd Manaf bin Quṣay bin Kilāb bin Murrah bin Ka‘b bin Lu’ī bin Ghālib bin Fīr bin Mālik bin al-Nadr bin Kinānah bin Khazaymah bin Mudrikah bin Ilyās bin Muḍar bin Nizar bin Ma‘d bin ‘Adnān⁴⁰ bin ‘Ad bin Aḍud bin Ilyās bin bin al-Hāsiṣā’ bin Salamān bin al-Nabt bin Haml bin Qaydar bin Ismā‘īl bin Tārūkh (@ Tārūh) bin Nāhur bin Syarūgh (@ Sarugh) bin Arghū bin Fāligh (@ Farigh) bin ‘Abir (Hūd) bin Syalikh (@ Syaligh) bin Arfakhsyad bin Sām bin Nūḥ bin Lumk (@ Lamaq) bin Matūsyalikh bin Khanukh (@ Akhnukh) (Idrīs) bin Yārid bin Mahlā’īl bin Qinān bin Anusy bin Syīth bin Ādam.⁴¹

Keturunan (*nasab*) ^cAlī bin Abī Ṭālib (r.^{‘a}) adalah sama dengan keturunan Nabi Muḥammad (ṣ.^{‘a.w}) seperti yang telah disepakati oleh semua ulama yang mengkaji silsilah keturunan kedua-duanya tanpa sebarang perselisihan pendapat.⁴²

Keturunan Nabi Muḥammad (ṣ.^{‘a.w}) dan ^cAlī bin Abī Ṭālib (r.^{‘a}) sampai kepada Nabi Ādam (‘a.s) terdiri daripada keturunan yang mulia dan bersih daripada kedua-dua

³⁹ Al-Qalqasyandi, *Nihayah al-Arb*, h.435.

⁴⁰ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.55; Ibn al-Maghāzilī, *Maqaqib*, h.19; al-Kanji al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.409; Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghabah*, IV, h.91.

⁴¹ Al-Kanji al-Syāfi’ī, *ibid*, h.408; al-Bahrāni, *Ghayah al-Maram*, h.14.

⁴² Al-Khwārizmi, *al-Manaqib*, h.12; Ibn Syahrāsyūb, *Maqaqib*, I, h.154; Sibṭ ibn al-Jawzi, *Tadhkirah al-Kawwas*, h.2; al-Mas’ūdi, *Muruj al-Dhahab*, I, h.48-56; al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg.I), III, h.19.

belah pihak, ibu dan bapanya. Mereka semuanya terdiri daripada para penyembah Allah atau dengan kata-kata lain, para pengikut agama al-Tawhid. Kenyataan tersebut diakui sendiri oleh Nabi Muhammad (ṣ.a.w)⁴³ dan Ḩalī (r.a)⁴⁴. Oleh itu, nenek-moyang (sama ada sebelah lelaki dan perempuan) Nabi (ṣ.a.w) adalah nenek-moyang Ḩalī juga.

Dalam keterangan Ibn Abī al-Hadīd dikatakan bahawa Ḩalī (r.a) sentiasa bersama-sama dengan Nabi Muhammad (ṣ.a.w), tidak pernah berpisah sejak Allah menciptakan Ādam ('a.s) sehingga sampai kepada kewafatan 'Abd al-Muṭṭalib, menerusi kedua-dua orang saudara iaitu 'Abd-Allāh dan Abū Tālib. Mereka dilahirkan daripada ibu yang sama dan menerusi kedua-duanya, lahirlah dua orang pemimpin (*sayyidā*) bagi sekalian umat manusia, yang pertama mendahului yang berikutnya. Orang yang pertama (Nabi (ṣ.a.w)) dikenali sebagai *al-Mundhir* dan yang kedua (Ḩalī (r.a)) sebagai *al-Hādi*.⁴⁵

Kelebihan, keutamaan dan keunggulan keturunan Nabi Muhammad (ṣ.a.w) dan Ḩalī bin Abī Tālib (r.a) juga dapat dilihat dalam hadith-hadith. Di antaranya, Allah (s.w.t) memilih Nabi Ismā'īl ('a.s) daripada anak-anak Nabi Ibrāhīm ('a.s), kemudian Dia memilih Bani Kinānah daripada Bani Ismā'īl, seterusnya memilih Quraisy daripada Bani Kinānah, disusuli Bani Hāsyim daripada Quraisy dan akhirnya memilih Nabi Muhammad (ṣ.a.w) daripada Bani Hāsyim.⁴⁶ Para ulama telah bersepakat tentang tafsiran firman Allah yang bermaksud:

⁴³ Ibn al-Maghāzī, *Maqaqib*, h.49; al-Kanjī al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.408.

⁴⁴ Al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balaghah*, (Khutbah no.1), h.47.

⁴⁵ Ibn Abī al-Hadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.30.

⁴⁶ Muslim, *Sahih*, IV, h.1782; Ibn Sa'd, *al-Tabaqat al-Kubra*, I, h.20.

“ Sesungguhnya Allah telah memilih Ādam, Nūḥ, keluarga Ibrāhīm dan keluarga ‘Imrān melebihi segala umat”⁴⁷

yang membuktikan pemilihan Allah ke atas Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) dan ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.a) juga.

Hadith berikut menyebutkan Allah memilih Kinānah daripada anak-anak Ismā‘il, Quraisy daripada Kinānah, Bani Hāsyim daripada Quraisy dan Nabi (ṣ.a.w) daripada Bani Hāsyim.⁴⁸ Hadith seterusnya pula menjelaskan bahawa Allah memilih bangsa ‘Arab daripada seluruh manusia, Quraisy daripada ‘Arab, Bani Hāsyim daripada Quraisy dan aku (Nabi (ṣ.a.w)) daripada Bani Hāsyim dan (Allah) juga memilih untukku daripada sekumpulan *Ahl al-Bayt*ku iaitu ‘Alī, Hamzah, Ja‘far, al-Hasan dan al-Husayn.⁴⁹ Menurut al-Kanji al-Syāfi‘ī, *ijmā‘* para ulama telah menetapkan bahawa Allah telah memilih Bani Hāsyim daripada seluruh kabilah Quraisy berdasarkan dalil yang telah dikemukakan tadi.⁵⁰

Keterangan-keterangan lain yang dapat memperkuatkan hakikat bahawa keturunan Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) dan ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.a) adalah bersih dan suci daripada kenistaan sehingga sampai kepada Nabi Ādam (a.s) adalah hadith-hadith berhubung dengan konsep nur Muḥammad atau Rasulullah (ṣ.a.w).

Rasulullah (ṣ.a.w) pernah bersabda yang bermaksud: “ Aku dan ‘Alī berasal daripada nur pada Ādam, kami berpindah-pindah daripada sulbi yang suci kepada rahim-

⁴⁷ Al-Qur’ān, surah Āli ‘Imrān (3): 33. Lihat: Al-Syarīf al-Rađī, *Nahj al-Balaghah*, h.139.

⁴⁸ Muslim, *Sahih*, IV, h.172; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, I, h.20; Ibn al-Āthīr, *Jami‘ al-Usul*, VIII, h.535; al-Kanji al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.409-410; al-Tirmidhī, *al-Jamī‘ al-Sahih*, II, h.269; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, IV, h.73; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha‘ir al-Uqba*, h.10.

⁴⁹ Al-Kanji al-Syāfi‘ī, *ibid*, h.409; Ibn ‘Asākir, *Tarikh*, IV, h.319; al-Tirmidhī, *ibid*, II, h.269.

rahim yang suci sehingga sampai kepada sulbi ‘Abd al-Muṭṭalib,’ dan akhirnya Nabi (ṣ.a.w) lahir menerusi ‘Abd-Allah manakala ‘Alī (r.‘a) pula menerusi Abū Tālib.⁵¹

Kenyataan tersebut berkaitan dengan keterangan Allah (s.w.t) yang bermaksud:

“ Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia daripada air, lalu Dia jadikan manusia itu (mempunyai) keturunan dan *muṣāharah* (hubungan kekeluargaan) dan adalah Tuhanmu Maha Kuasa.”⁵²

Berhubung dengan cahaya (*nūr*) tersebut, terdapat banyak riwayat mengenainya kerana dikatakan nur Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) dan ‘Alī adalah satu⁵³ dan diciptakan beribu-ribu tahun sebelum penciptaan mereka⁵⁴ seperti yang diakui sendiri oleh ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a).⁵⁵

‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan Rasulullah (ṣ.a.w) sebagai sepupu kerana kedua-dua bapa mereka, iaitu Abū Tālib dan ‘Abd-Allah adalah anak-anak kepada ‘Abd al-Muṭṭalib dan Fāṭimah bint ‘Amrū al-Makhzūmī.⁵⁶ Justeru itu, kelihatan tiada seorang pun yang berkongsi kemuliaan ini melainkan keturunan bapa saudara Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) dan ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) sendiri.

⁵⁰ Al-Kanji al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.410-411.

⁵¹ Al-Mas‘ūdī, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.129; al-Kanji al-Syāfi‘ī, *ibid*, h.406-407; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi‘ al-Mawaddah*, I, h.254, 256; Sulaym, *al-Saqifah*, h.114.

⁵² Al-Qur‘ān, surah al-Furqān (25): 54.

⁵³ Al-Bahrānī, *Ghayah al-Maram*, h.3; Sulaym, *op.cit*, h.244.

⁵⁴ Sulaym, *ibid*, h.114; al-Kanji al-Syāfi‘ī, *op.cit*, h.314-319; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *op.cit*, I, h.254, 256.

⁵⁵ Al-Tabarsī, *al-Iḥtijāj*, I, h.230.

⁵⁶ Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha‘ir al-‘Uqba*, h.55; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.2.

Kenyataan lain yang memperlihatkan kemuliaan ^cAli (r.'a) yang tiada bandingan dan tandingannya dengan yang lain adalah kerana zuriat Nabi Muhammad (ṣ.'a.w) dikatakan berada pada sulbi ^cAli (r.'a), sedangkan zuriat nabi-nabi yang terdahulu berada pada sulbi mereka masing-masing.⁵⁷ Dalam persoalan ini, terdapat dalil al-Qur'ān yang menjadi hujah dan bukti kesahihannya dengan maksud:

“ Dan Kami telah menganugerahkan Ishaq dan Ya'qub kepadanya. Kepadanya masing-masing telah Kami beri petunjuk, dan kepada Nuh sebelum itu (juga) telah Kami beri petunjuk dan kepada sebahagian daripada keturunannya (Nuh) iaitu Daud, Sulaymān, Ayyūb, Yūsuf, Mūsā dan Hārūn, dan Zakaria, Yahya, 'Isā dan Ilyās.”⁵⁸

Dalam ayat al-Qur'ān tersebut, Nabi 'Isā ('a.s) dimasukkan dalam zuriat Nabi Nuh ('a.s) sedangkan baginda adalah anak lelaki yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Nabi Nuh ('a.s) kecuali menerusi sebelah pihak ibunya, Maryam. Kenyataan tersebut membuktikan bahawa zuriat Fātimah (r.'a) dan ^cAli (r.'a) merupakan zuriat Nabi (ṣ.'a.w).⁵⁹ Sehubungan dengan itu juga, Nabi (ṣ.'a.w) dikatakan pernah bersabda yang bermaksud: “ Setiap keturunan (*nasab*) dan pertalian (*sabab*) pada hari *al-Qiyāmah* akan terputus kecuali *nasab* dan *sababku*,”⁶⁰

⁵⁷ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.67; Ibn al-Maghāzī, *Manaqib*, h.50; al-Kanjī al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.379; Ibn Ḥajar al-Haythamī, *al-Sawa'iq al-Muhrīqah*, h.192.

⁵⁸ Al-Qur'ān, surah al-An'ām (6): 84.

⁵⁹ Al-Kanjī al-Syāfi'i, *op.cit*, h.380.

⁶⁰ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.142; al-Kanjī al-Syāfi'i, *ibid*, h.380; Ibn al-Maghāzī, *op.cit*, h.85.

Dalam hadith seterusnya pula menyebutkan sabda Nabi (ṣ.a.w) yang bermaksud:

“ Bagi setiap anak, pertalian keluarga (*‘asabah*) mereka adalah kepada bapa mereka kecuali anak-anak Fāṭimah, kerana akulah *‘asabahnya* dan akulah bapa mereka.”⁶¹

Selanjutnya, *‘Alī* bin Abī Tālib (r.’a) sendiri pernah mengatakan: “ Keturunan Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) merupakan sebaik-baik keturunan, begitu juga kaum kerabat baginda adalah sebaik-baik kaum kerabat, manakala keturunannya pula merupakan keturunan yang terbaik, tumbuh dan berkembang dengan penuh kemuliaan dan penghormatan.”⁶²

1.1.6 - Keislaman:

‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) semenjak zaman bayinya telah pun dipelihara oleh Nabi Muḥammad (ṣ.a.w). Oleh kerana itu, tendensi keagamaannya sejak dari zaman kanak-kanaknya sudah dapat dijangkakan. Ini bersesuaian dan bertepatan dengan pendidikan Nabi (ṣ.a.w) terhadapnya. Al-Halabī mengatakan: “ *‘Alī* bin Abī Tālib (r.’a) tidak pernah menjadi seorang yang mensyirikkan Allah selama hayatnya, kerana beliau sentiasa bersama-sama dengan Rasulullah (ṣ.a.w) dari semenjak kecil lagi sama seperti salah seorang anak baginda (ṣ.a.w) sendiri, dan bahkan beliau sentiasa mengikuti Nabi (ṣ.a.w) dalam semua perkara. Oleh kerana itu, agamanya sejak dari awal lagi adalah agama yang dianuti oleh Nabi (ṣ.a.w).”⁶³

⁶¹ Al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifāyah al-Tālib*, h.381.

⁶² Al-Syarīf al-Raḍī, *Nahj al-Balāghah*, h.139; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarḥ Nahj al-Balāghah*, VII, h.62.

⁶³ Al-Halabī, *al-Sīrah al-Halabiyah*, I, h.435; al-Khwārizmī, *al-Manāqib*, h.51.

Justeru, ternyata beliau telah menjadi muslim dan mu'min sejak dari mula lagi dan agama yang dianutinya tidak lain dan tidak bukan adalah agama Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w) dan beliau tidak pernah terpisah daripada agama tersebut.

Dalam kebanyakan keterangan menunjukkan bahawa Ḥalīl bin Abī Tālib (r.‘a) merupakan seorang muslim⁶⁴ dan mu'min⁶⁵ pertama yang mengikuti dan mengakui kebenaran Rasulullah (ṣ.‘a.w) serta mendirikan salat selepas Khadījah (r.‘a).⁶⁶ Bagaimanapun terdapat pendapat lain yang mengatakan Ḥalīl (r.‘a) telah mendahului Khadījah (r.‘a) berdasarkan pengakuannya sendiri yang mengatakan: “ Demi Allah! Akulah orang pertama yang menjadi pengganti, mendengar dan menyahuti, tiada yang mendahuluiku mengerjakan salat melainkan Rasulullah (ṣ.‘a.w).”⁶⁷ Alasan terpentingnya adalah kerana Nabi (ṣ.‘a.w) sentiasa bersama-sama dengannya. Oleh kerana itu, beliau merupakan orang yang lebih awal menyahuti seruan Islam, dan kemudian barulah diikuti Khadījah (r.‘a). Kenyataan tersebut dikatakan turut diakui Nabi (ṣ.‘a.w), yang dapat dibuktikan menerusi sabda Rasulullah (ṣ.‘a.w) yang bermaksud: “ Engkau adalah

⁶⁴ Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, II, 119; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h136; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ğābah*, IV, h.91, 94-95; al-Kāmil, II, 57; Jāmi' al-Uṣūl, VIII, h.648; Ibn al-Maghāzīlī, *Maṇāqib*, h.27; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakhā'ir al-'Uqbā*, h.57-60; *al-Riyāḍ al-Nadīrah*, III, h.113; Ibn Hajar al-'Asqalānī, *al-Isābah*, II, h.507; al-Tabārī, *al-Iḥtijāj*, I, h.116; al-Āmīnī, *al-Ghadīr*, III, h.224; Ibn 'Asākir, *Tārikh*, I, h.41-116.

⁶⁵ Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *ibid*, h.58; *al-Riyāḍ al-Nadīrah*, III, h.110; Ibn 'Abd al-Barr, *al-Isti'āb*, III, h.28.

⁶⁶ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.133; Ibn Sa'd, *al-Tabaqāt al-Kubrā*, III, h.21; Ibn 'Abd al-Barr, *ibid*, II, h.457; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanābi' al-Mawaddah*, I, h.202.

⁶⁷ Al-Āmīnī, *A'yān al-Syī'ah*, (bhg.I), III, h.145.

manusia yang pertama beriman kepadaku dan mengakuiku,” dan dalam hadith yang lain pula dikatakan: “ Wahai ⁶⁸‘Alī, engkaulah mu’min pertama yang beriman.”⁶⁸

Berdasarkan keterangan Muḥammad bin Ka‘b al-Qarzī, persoalan tentang sama ada ⁶⁹‘Alī atau Abū Bakr dari kalangan lelaki yang lebih awal memeluk Islam hanya timbul kerana ⁶⁹‘Alī (r.^a) tidak menzahirkan keislamannya kerana bimbang (*khaufan*) terhadap bapanya, Abū Tālib sedangkan Abū Bakr pula melakukan sebaliknya. Selanjutnya dikatakan: “ tanpa sebarang keraguan lagi, bahawa ⁶⁹‘Alī pada pandangan kami, lebih awal memeluk Islam di antara kedua-duanya.”⁶⁹

Rasulullah (s.^{a.w}) sendiri dikatakan memberikan gelaran *al-Šiddīq*⁷⁰ kepadanya sehingga beliau (r.^a) pernah mengatakan: “ Akulah *al-Šiddīq al-Akbar* sebelum Abū Bakr dan ‘Umar.”⁷¹ Dalam kenyataan lain disebutkan: “ Akulah ‘Abd-Allāh dan saudara Rasul-Nya, akulah *al-Šiddīq al-Akbar*.⁷² Selain dari itu, Nabi Muḥammad (s.^{a.w}) pernah mengatakan kepadanya yang bermaksud:

“ Engkaulah *al-Siddīq al-Akbar* dan engkaulah *al-Fārūq* yang membezakan kebenaran daripada kebatilan dan engkaulah juga pemimpin agama (*ya’sub al-dīn*).⁷³

⁶⁸ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.58-60; al-Nasā’ī, *Tahdhīb*, h.13-18; al-Haythamī, *Majma’ al-Zawa’id*, IX, h.102; al-Hākim, *al-Mustadrak*, III, h.136; al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg.I), III, h.145.

⁶⁹ Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Isti’ab*, III, h.29; al-Aminī, *al-Ghadir*, III, h.219-243; al-Amin, *ibid*, (bhg.I), III, 38.

⁷⁰ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *op.cit*, h.56-58; *al-Riyad al-Nadīrah*, III, h.104; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.233; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.57, Sulaym, *al-Saqifah*, h.156-157. Lihat: Al-Qur’ān, surah al-Şāfat (37): 37.

⁷¹ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, I, h.202.

⁷² Al-Hākim, *op.cit*, III, h.112; al-Nasā’ī, *op.cit*, h.20; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *ibid*, I, h.253; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *op.cit*, h.56-57.

⁷³ Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *ibid*, h.56; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.407; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *ibid*, I, h.207; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.37. Menurut Sulaym, ia disebut sebagai *Ya’sub al-Mu’mimin*. (Lihat: *al-Saqifah*, h.156-157.)

Dalam hadith yang lain, Nabi (ṣ.a.w) menjelaskannya dengan maksud:

“ Di kalangan umat yang terdahulu, ada tiga orang yang tidak pernah mensyirikkan Allah walaupun sekeli patah mata, iaitu Ḥalib bin Abi Ṭālib, Sāhib Yāsin dan Mu’min Āl Fir'aun. Mereka adalah al-Šiddiqūn terdiri daripada Habib al-Najjar mu’min Āl Yāsin, Hizqil mu’min Āl Fir'aun dan Ḥalib bin Abi Ṭālib dan beliau (Halib) adalah yang paling terkemuka di antara mereka.”⁷⁴

Menurut Ibn ‘Abbās, kenyataan tentang keislaman dan keimanan Ḥalib bin Abi Ṭālib (r.a) sebagai tokoh yang terawal berbanding dengan sahabat-sahabat yang lain, merupakan salah satu daripada empat keistimewaan (*khiṣāl*) Ḥalib bin Abi Ṭālib (r.a).⁷⁵

Persepakatan umum di kalangan sejarawan muslim dan para ulama sendiri telah menunjukkan bahawa beliau tidak pernah sekali-kali menjadi kafir dan tidak pernah memohon doa di hadapan berhala. Oleh kerana kepercayaan agama beliau (r.a) tidak pernah diragui dan disangskakan, persoalan tentang masa beliau menganuti agama Islam tidak perlu dibincangkan lagi.⁷⁶

Pada masa tersebut, beliau dikatakan masih terlalu muda dan hanyalah berusia dalam lingkungan usia 5 tahun.⁷⁷ Dalam beberapa riwayat yang lain pula menyebutkan pada usia 7, 9 atau 10 tahun. Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah bahawa

⁷⁴ Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.123-124; 407; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *al-Riyad al-Nadirah*, III, h.104; Ibn al-Maghāzīlī, *Maqaqib*, h.161; al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.124, 185; Ibn Ḥajar al-Haythamī, *al-Sawa'iq al-Muhrīqah*, h.192-193; al-Ḥalabī, *al-Sirah al-Halabiyah*, I, h.435.

⁷⁵ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.111; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Isti‘ab*, II, h.457; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha‘ir al-Uqba*, h.59; Ibn ‘Asākir, *Tarikh*, I, h.161; al-Amin, *op.cit.* (bhg.I), III, h.38.

⁷⁶ Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *op.cit.* h.123-124; al-Ḥalabī, *op.cit.* I, h.435; al-Amin, *ibid.* (bhg.I), III, h.37.

⁷⁷ Ibn ‘Abd al-Barr, *op.cit.* II, h.458; Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, II, h.119; al-Ḥākim, *op.cit.* III, h.112; al-Bahrānī, *Ghayat al-Maram*, h.13; al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawa‘id*, IX, h.103; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha‘ir al-Uqba*, h.58-60; Ibn Abi al-Ḥadid, *Syārh Nahj al-Balaghah*, I, h.14.

beliau tidak pernah sekali-kali menyembah berhala sepanjang hayatnya.⁷⁸ Justeru itulah, beliau biasanya disebutkan *karrama Allāh wajhah*.⁷⁹

Dalam keterangan Anas bin Mālik, Nabi (ṣ.a.w) dilantik oleh Allah menjadi nabi pada hari Isnin manakala ‘Alī bin Abī Tālib (r.a) pula mendirikan salat pada hari Selasa.⁸⁰ Oleh itu, beliau pada usia 7 tahun⁸¹ adalah orang yang pertama menghadap kiblat⁸² dan mendirikan salat bersama-sama dengan baginda,⁸³ bahkan beliau telah pun mendahului orang lain 6 bulan lebih awal.⁸⁴

Keterangan ini diperkuuhkan menerusi kenyataan beliau sendiri yang menyebutkan: “ Akulah *al-Šiddīq al-Akbar*, akulah *al-Fārūq al-Awwal*, aku telah menganuti agama Islam lebih dahulu daripada manusia-manusia lain dan telah melakukan salat lebih awal daripada mereka.”⁸⁵

1.1.7 - Ciri-ciri Perwatakan:

⁷⁸ Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.21.

⁷⁹ Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa‘iq al-Muhrīqah*, h.185; al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.85. (Menarik dalam kes ‘Alī (r.a), beliau biasanya disebutkan dengan ‘alayh al-salam, dan tiada sahabat Rasulullah (s.a.w) yang lain diberikan sebutan demikian.)

⁸⁰ Al-Ḥākim, *op.cit*, III, h.112; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.59; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.93; *Jami’ al-Usul*, VIII, h.648.

⁸¹ Al-Ṭabarī, *al-Iḥtijāj*, I, h.142; al-Haythamī, *op.cit*, IX, h.102.

⁸² Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.125-130.

⁸³ Ibn Ḥanbal, *al-Muṣnad*, II, h.282; V, h.181; Ibn ‘Abd al-Barr, *op.cit*, II, h.457, 459; Ibn al-Maghāzili, *Maqaṣid*, h.25-27; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *al-Riyad al-Nadīrah*, III, h.111.

⁸⁴ Ibn al-Āthīr, *Jami’ al-Usul*, VIII, h.663; al-Syablanjī, *op.cit*, h.86. (Lihat: Al-Qur’ān, surah al-Tawbah (9): 19).

⁸⁵ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.112; Ibn Abī al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.30.

Dari segi sifat dan perwatakan ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a), kebanyakan keterangan menunjukkan bahawa beliau mempunyai begitu banyak sifat-sifat yang istimewa⁸⁶ seperti berhemah tinggi (*himmah*), lemah-lembut (*hilm*), zuhud (*zuhd*), terpelihara daripada dosa (*ma’sūm*), berani (*syajā’ah*), bersikap adil (*‘adl*), mempunyai kekuatan yang luarbiasa, mewarisi sifat para nabi dan rasul dan lain-lain yang dikatakan hanya dikhususkan oleh Allah (s.w.t) kepadanya sahaja.

Dari segi fizikalnya, beliau digambarkan sebagai seorang yang mempunyai ketinggian sederhana, bermata hitam yang besar dengan pandangan yang dalam, berperwatakan gagah perkasa, berwajah menarik, berbada bidang, berbahu segak, lengan dan tangan-tangannya kuat dengan tapak tangan yang kasar, leher yang berotot, berdahi luas dengan rambut yang halus di ubun-ubunnya.⁸⁷

Muhibb al-Dīn al-Ṭabārī⁸⁸ dalam keterangan selanjutnya menjelaskan bahawa ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a) biasanya berjalan dengan langkah yang sangat ringan dan pantas dalam gerakannya, berwajah tersenyum, berakhhlak yang menyenangkan, sentiasa ceria, bersikap baik dan berperangai ramah dan beliau juga dikatakan tidak pernah naik pitam.

⁸⁶ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, I, h.143-152; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.101; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.97-100; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.191-192; Ibn al-Jawzī, *Sifat al-Saqwah*, I, h.309-318; al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthur*, V, h.198; *Tarikh al-Khulafa’*, h.155; al-Nawawī, *Tahdhīb*, I, h.344; Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, II, h.259; al-Wāḥidī al-Nīsābūrī, *Asbab al-Nuzul*, h.251; al-Ṭabārī, *al-Iḥtijāj*, I, h.132-145; al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg.I), III, h.23-49; al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.96.

⁸⁷ Ibn al-Āthīr, *ibid*, IV, h.398; al-Tabārī, *Tarikh*, V, h.153; Ibn Sa’d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.25-27; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.401-403; al-Syablanjī, *ibid*, h.86; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *ibid*, II, h.373; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-İsti’ab*, II, h.464; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *al-Riyad al-Nadīrah*, II, h.202, 218; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkīrah al-Khawwāṣ*, h.6; Ibn al-Jawzī, *ibid*, I, h.308; Ibn Qutaybah, *al-Ma’arif*, h.70; Ibn al-Maghāzīlī, *Maṇaqib*, h.24; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.46.

⁸⁸ Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.57; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.16.

1.2 - Latar belakang keluarga ^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}):

1.2.1 - Ibubapa:

Nama bapa ^cAlī (r.^{‘a}) ialah Abū Tālib (atau ‘Abd Manaf) bin ‘Abd al-Muṭṭalib (@ Syaibah al-Hamd) bin Hāsyim (@ ‘Amrū) bin ‘Abd Manāf (@ al-Mughīrah).⁸⁹ Nama beliau yang sebenar ialah ‘Abd Manāf. Bagaimanapun, beliau lebih dikenali menerusi *kunyahnya* iaitu Abū Tālib. Beliau mempunyai ikatan persaudaraan seibu sebaik dengan ‘Abd-Allāh, bapa Nabi (s.^{‘a.w}). Abū Tālib merupakan pembela Nabi (s.^{‘a.w}) dari semenjak kecil. Beliau juga sentiasa mempertahankan dan menanggung segala penderitaan semata-mata kerana Nabi (s.^{‘a.w}) daripada tindakan kaum musyrik Quraisy serta menyokongnya dalam sebarang keadaan, dan selepas kewafatannya, barulah Nabi (s.^{‘a.w}) berhijrah ke kota Madinah.

Nama ibu ^cAlī (r.^{‘a}) pula ialah Fāṭimah bint Asad bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay. ⁹⁰ Beliau seringkali disebutkan sebagai wanita Bani Hāsyim yang pertama melahirkan anak kepada Bani Hāsyim,⁹¹ dan menjadi ibu kepada semua anak Abū Tālib. Pada pandangan Rasulullah (s.^{‘a.w}), beliau menganggap Fāṭimah bint Asad sebagai ibunya (*ummi*) sendiri, sepeninggalan ibunya, Aminah kerana baginda (s.^{‘a.w}) dibesarkan olehnya.⁹² Beliau juga merupakan salah seorang wanita yang mempunyai

⁸⁹ Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghabah*, IV, h.91; al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.408; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.19-20; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.6-8; al-Amin, *A‘yan al-Syi‘ah*, (bhg.I), III, h.3-7.

⁹⁰ Al-Mas‘ūdī, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.129; Ibn al-Maghāzīlī, *Manaqib*, h.19; Ibn Sa‘d, *ibid*, III, h.19-20; Sibṭ ibn al-Jawzī, *ibid*, h.9-10.

⁹¹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.107; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Isti‘ab*, II, h.456; Ibn al-Maghāzīlī, *ibid*, h.20; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.55; al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *op.cit*, h.102.

⁹² Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.15; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.47-48; al-Mufid, *al-Irṣyād*, h.1.

kedudukan yang sangat istimewa pada masa Nabi Muhammad (ṣ.a.w) dan sentiasa menunjukkan sikap yang baik terhadapnya selepas Abū Tālib bin ‘Abd al-Muṭalib, bahkan sewaktu kewafatannya, Nabi (ṣ.a.w) sendiri dikatakan mengkafankannya dengan pakaian baginda sendiri dan mengurus jenazahnya sehingga ke liang lahad.

1.2 2 - Isteri:

“Alī bin Abī Tālib (r.a) berkahwin dengan Fātimah bint Muḥammad (ṣ.a.w), yang dikenali sebagai ketua wanita sekalian alam (*Sayyidah Nisā’ al-Ālamīn*),⁹³ ketua wanita penghuni syurga (*Nisā’ Ahl al-Jannah*)⁹⁴ atau ketua sekalian wanita umat ini (*Nisā’ hādhīhi al-Ummah*)⁹⁵ yang merupakan isterinya yang pertama selepas perang Uhud, ketika Fātimah berusia 15 tahun 5 bulan.

Dalam beberapa keterangan menunjukkan bahawa perkahwinan di antara mereka berdua berlangsung di atas perintah dan kehendak Allah (s.w.t),⁹⁶ dan Nabi (ṣ.a.w) sendiri menegaskan dengan maksud:

“ Sekiranya ada orang yang lebih baik daripada Ḥasan, sudah tentu Fātimah tidak akan dikahwinkan dengannya.”

Bahkan ia dianggap sebagai salah satu keistimewaan (*khaṣlah*) Ḥasan (r.a) yang tidak diperolehi oleh mana-mana sahabat yang lain walaupun ramai yang mencuba untuk

⁹³ Ibn Sa’d, *al-Tabaqat al-Kubra*, VIII, h.27; Abū Nu’aim al-Isbahānī, *Hilyah al-Awliya*, II, h.40; Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa’iq al-Muhrīqah*, h.85; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha’ir al-Uqba*, h.29; al-Baghdādī, *Uṣul al-Dīn*, h.306; al-Isfārā’īnī, *al-Tabsir fī al-Dīn*, h.166.

⁹⁴ Al-Bukhārī, *Sahih*, V, h.25, 36; Sulaym, *al-Saqifah*, h.116; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *ibid*, h.42-43; Ibn al-Maghāzīlī, *Maqaqib*, h.399; al-Tirmidhī, *Sunan*, V, h.703.

⁹⁵ Muslim, *Sahih*, IV, h.1905.

memperisterikan Fātimah (r.'a).⁹⁷ Sepanjang perkahwinan dengan Fātimah (r.'a), beliau dikatakan tidak pernah mengahwini mana-mana wanita lain.⁹⁸ Bagaimanapun, selepas kewafatan Fātimah (r.'a), barulah ‘Alī bin Abī Tālib (r.'a) berkahwin lain dan mempunyai beberapa orang isteri.

Secara umumnya, beliau dikatakan mempunyai 10 orang isteri, di antara mereka:

1. Fātimah bint Muḥammad (ṣ.‘a.w).
2. Umm al-Banīn bint Hizam (@ Hiram) bin Darim al-Kullābiyyah.
3. Laylā bint Mas‘ūd bin Khālid al-Nahsyaliyah al-Tamīmah.
4. Asmā’ bint ‘Umays al-Khath’amiyyah.
5. Umm Habīb @ al-Sahbā’ bint Rabi‘ah al-Taghlabiyyah.
6. Khawlah bint Ja‘far bin Qays bin Maslamah al-Hanafiyah.
7. Umm Sa‘d @ Sa‘īd bint ‘Urwah bin Mas‘ūd al-Thaqafiyah.
8. Makhba‘ah @ Muhayyat bint Imrū’ al-Qays bin ‘Adī al-Kalbiyyah.
9. ‘Umāmah bint Abī al-‘As bin al-Rabī‘ bin ‘Abd al-‘Uzzā.
10. Umm al-Walad.⁹⁹

1.2.3 - Anak-anak:

⁹⁶ Al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.336; al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.297. (Dikatakan kenyataan tersebut berdasarkan dalil al-Qur’ān, surah al-Furqān (25): 54.

⁹⁷ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.125; al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafa'*, h.161; al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawa‘id*, IX, h.120.

⁹⁸ Al-Tabārī, *Tarikh*, V, h.154; al-Amin, *A‘yan al-Syi‘ah*, (bhg.I), III, h.12.

⁹⁹ Lihat: Al-Ṭabarī, *Tarikh*, V, h.154; al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *op.cit*, h.411-413; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakha‘ir al-‘Uqba*, h.116-117; al-Amin, *ibid*, (bhg.I), III, h.12.

Daripada perkahwinan dengan wanita-wanita yang telah disebutkan, ^cAlī bin Abī Tālib (r.'a) mempunyai bilangan anak lelaki dan perempuan yang ramai dan berikut adalah senarai anak-anak yang dilahirkan menerusi ibu-ibu mereka masing-masing:

1. Daripada Fātimah bint Muḥammad (ṣ.'a.w)¹⁰⁰ - al-Ḥasan, al-Ḥusayn, Muḥsin, Zaynab al-Kubrā dan Umm Kulthūm al-Kubrā (@ Zaynab al-Sughrā). Muḥsin adalah nama yang dikurniakan oleh Rasulullah (ṣ.'a.w) kepadanya dan beliau dikatakan dilahirkan selepas al-Ḥusayn. Berhubung dengan mereka, Nabi (ṣ.'a.w) bersabda yang bermaksud:

“ Sesungguhnya aku menamakan mereka (al-Ḥasan, al-Ḥusayn dan al-Muḥsin) mengikut nama anak-anak Hārūn ('a.s) (Syabbar, Syabbir dan Musyabbir).”¹⁰¹

2. Daripada Khawlah bint Ja'far al-Ḥanafiyah - Muḥammad al-Akbar @ Muḥammad bin al-Ḥanafiyah.
3. Daripada Laylā bint Mas'ūd al-Nahsyaliyah – ‘Abd-Allāh (@ ‘Ubayd-Allāh)¹⁰² dan Abū Bakr.
4. Daripada Umm al-Banīn bint Hizam @ Hiram - al-‘Abbās al-Akbar, ‘Uthmān, Ja'far al-Akbar dan ‘Abd-Allāh.¹⁰³
5. Daripada Umm Walad - Muḥammad al-Asghar.¹⁰⁴

¹⁰⁰ Anak-anak ^cAlī (r.'a) dengan Fātimah (r.'a) disebutkan sebagai anak-anak Rasulullah (ṣ.'a.w), dan mereka merupakan ketua sekalian pemuda ahli syurga (*Sayyida Syabab Ahl al-Jannah*). Lihat: Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.164-165; al-Kanji al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.412; al-Isfara'ini, *al-Tabsir fi al-Din*, h.166.

¹⁰¹ Al-Kanji al-Syāfi'i, *ibid*, h.352; 412-413; al-Tabarī, *op.cit*, V, h.153; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.116; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.201; Ibn Quṭaybah, *al-Ma'arif*, h.70-71; al-Diyārbakri, *Tarikh al-Khamis*, I, h.379; Sulaym, *al-Saqifah*, h.154.

¹⁰² Beliau dikatakan mati syahid di Karbalā'. Lihat: Al-Amin, *A yan al-Syi'ah*, (bhg.I), III, h.13.

¹⁰³ Keempat-empatnya dikatakan mati syahid di Karbalā'. Lihat: Al-Amin, *ibid*, III, h.13.

6. Daripada Asmā' bint 'Umays - Yahyā dan 'Aun.¹⁰⁵
7. Daripada al-Saḥbā' @ Umm Habīb bint Rabi‘ah – 'Umar al-Akbar dan Ruqaiyyah.
8. Daripada 'Umāmah bint Abī al-'As - Muḥammad al-Awsaṭ.
9. Daripada Umm Sa‘īd bint 'Urwah bin Mas‘ūd - Umm al-Ḥasan, Ramlah al-Kubrā.
10. Daripada Makhba'ah @ Muḥayyat bint Imrī' al-Qays – tiada.

Anak-anak perempuan Ḥalī' bin Abī Ṭālib (r.'a) yang lain ialah Umm Hāni', Maymunah, Zaynab al-Sughrā, Ramlah al-Sughrā, Umm Kulthum al-Sughrā, Fātimah, 'Umāmah, Khadījah, Umm al-Kirām, Umm Salamah, Umm Ja'far, Jumānah, Nafīsah dan lain-lain yang dikatakan meninggal dunia lebih awal atau semasa masih kecil.¹⁰⁶

Terdapat banyak pendapat mengenai bilangan anak-anak Ḥalī' bin Abī Ṭālib (r.'a). Dari senarai nama di atas, anak lelaki beliau adalah seramai 15 orang manakala anak perempuannya pula seramai 18 orang, tidak termasuk yang wafat lebih awal. Berdasarkan keterangan al-Ṭabarī, anak lelakinya adalah seramai 14 orang lelaki dan 17 orang perempuan.¹⁰⁷ Sebaliknya, Ibn Sa'd pula mengatakan 14 orang anak lelaki dan 19 orang anak perempuan dan menurutnya lagi, itulah bilangan anak-anak Ḥalī' bin Abī Ṭālib (r.'a) yang sebenar.¹⁰⁸ Menurut Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, Ḥalī' (r.'a) mempunyai 14

¹⁰⁴ Kunyahnya ialah Abū Bakr. Sebahagian menganggap Abū Bakr dan Muḥammad al-Asghar adalah dua orang yang berbeza, tetapi al-Amin mengatakan sebenarnya orang yang sama. Lihat: *A'yān al-Siy'ah*, III, h.13.

¹⁰⁵ Asmā' dikatakan melahirkan Yahya dan Muḥammad al-Asghar. Lihat: Al-Ṭabarī, *Tarikh*, V, h.154.

¹⁰⁶ Al-Ṭabarī, *ibid*, V, h.154-155; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.117; Ibn Sa'd, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.19-20.

¹⁰⁷ Al-Ṭabarī, *ibid*, V, h.154; al-Ya'qūbī, *Tarikh*, II, h.213.

¹⁰⁸ Lihat: Ibn Sa'd, *op.cit*, III, h.19-20; Ibn al-Jawzī, *Sifat al-Safwah*, I, h.309.

orang anak lelaki dan 18 orang anak perempuan¹⁰⁹ sedangkan al-Syablanji pula mengatakan seramai 21 orang anak lelaki dan 18 orang anak perempuan.¹¹⁰

1.2.4 - Saudara-mara lelaki dan wanita:

^cAlī bin Abī Tālib (r.a) merupakan satu-satunya tokoh yang memiliki kehebatan dan keistimewaan yang tiada tolok bandingnya dari segi saudara-mara sama ada sebelah lelaki mahupun wanita. Abū Tālib mempunyai anak-anak seramai empat (4)¹¹¹ atau lima (5) orang, terdiri daripada empat lelaki dan seorang perempuan. Mereka ialah Tālib, ‘Aqīl, Ja‘far, ^cAlī dan Umm Hāni’ (@ Fākhitah).¹¹² Anak Abū Tālib yang paling tua ialah Tālib, diikuti oleh ‘Aqīl dan Ja‘far. ^cAlī (r.a) merupakan anak lelaki Abū Tālib yang bongsu. Masing-masing dibezakan jarak usia mereka kira-kira 10 tahun di antara seorang dengan yang lain.¹¹³

Nabi Muhammed (ṣ.a.w) dikatakan bersabda dengan maksud:

“ Kami Bani ‘Abd al-Muṭṭalib merupakan ketua-ketua penghuni syurga (*Sādāt Ahl al-Jannah*) dan mereka terdiri daripada aku (Nabi (ṣ.a.w) sendiri), ^cAlī dan Ja‘far dari kalangan anak-anak Abī Tālib, Hamzah bin ‘Abd al-Muṭṭalib, al-Ḥasan dan al-Ḥusayn.”¹¹⁴

¹⁰⁹ Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.116.

¹¹⁰ Al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.114.

¹¹¹ Al-Ṭabarī, *al-Iḥtijāj*, I, h.230; al-Amin, *A yan al-Syi’ah*, (bhg.I), III, h.12-13.

¹¹² Al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.350; al-Ṭabarī, *ibid*, I, h.230; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II, h.519; Sibīl ibn al-Jawzī, *Tadkirah al-Khawwas*, h.10; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.207; *al-Riyad al-Nadirah*, III, h.104; Ibn Qutaybah, *al-Ma’rif*, h.67; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, IV, h.52.

¹¹³ Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.91; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *ibid*, h.56; al-Qalqāsyandi, *Nihayah al-Arb*, h.142; al-Amin, *op.cit*, (bhg.I), III, h.8.

1.3 – Latar belakang Pendidikan ^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}):

1.3.1 – Pendidikan:

^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) dilahirkan 3 tahun sebelum Nabi Muḥammad (ṣ.^{‘a.w}) mengahwini Khadijah (r.^{‘a}). Oleh kerana semua anak lelaki Nabi (ṣ.^{‘a.w}) wafat, Fātimah bint Asad selaku ibu kepada ^cAlī bin Abī Tālib yang ingin meredakan kesedihan Nabi (ṣ.^{‘a.w}) telah menyerahkan beliau kepada baginda (ṣ.^{‘a.w}). Justeru itu, selepas Nabi Muḥammad (ṣ.^{‘a.w}) mengahwini Khadijah (r.^{‘a}), ^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) telah dianggap sebagai anak oleh Khadijah (r.^{‘a}). Justeru itu, beliau telah diasuh, dibesarkan dan dididik oleh baginda (ṣ.^{‘a.w}) sendiri.¹¹⁵

^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) juga diambil oleh Rasulullah (ṣ.^{‘a.w}) daripada kedua-dua ibu bapanya bertujuan untuk meringankan bebanan Abū Tālib bin ‘Abd al-Muṭtalib yang pada masa itu sedang menderita kesusahan. Nabi Muḥammad (ṣ.^{‘a.w}) bersabda dengan maksud: “ Sesungguhnya aku mengambil orang yang Allah sendiri pilihkan untukku ke atas kamu semua iaitu ^cAlī,” manakala saudara-saudaranya yang lain iaitu Tālib diambil oleh al-‘Abbās dan Ja‘far pula diambil oleh Hamzah. Hanya ‘Aqīl tetap dipelihara oleh Abū Tālib.¹¹⁶

Kenyataan tersebut pernah diberikan oleh ^cAlī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) ketika beliau memberikan gambaran zaman kanak-kanaknya menerusi khutbah *al-Qāsi’ah*¹¹⁷ dengan

¹¹⁴ Ibn al-Maghāzī, *Manaqib*, h.49; Sulaym, *al-Saqifah*, h.141, 245.

¹¹⁵ Al-Mas‘ūdi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.119, 141; al-Amin, *A‘yan al-Siy‘ah*, (bhg.I), III, h.18.

¹¹⁶ Abū al-Farj al-Isbahānī, *Maqātil al-Talibiyin*, h.41; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.15; III, 82; al-Bahrānī, *Ghayat al-Maram*, h.15.

¹¹⁷ Muḥammad ‘Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, h. 453; al-Syārif al-Raḍī, *Nahj al-Balaghah*, (Khutbah no.192), h.300-301.

menjelaskan bahawa: “aku masih seorang bayi yang baru dilahirkan sewaktu Nabi (ṣ.a.w) mengambilku daripada kedua-dua orang tuaku. Aku biasa memeluk baginda, dan baginda seringkali menidurkanku di tempat tidurnya. Aku menekankan tubuhku kepadanya dan dengan berbuat demikian, aku dapat mencium keharuman dan merasai kehangatan baginda. Baginda (ṣ.a.w) sering memberiku makan, dan ketika aku semakin membesar, baginda sememangnya mengetahui bahawa aku tidak pernah sama sekali berdusta atau melakukan penipuan.”

“Bagiku, baginda umpama bintang petunjuk dan aku selalu mengikuti tingkah-laku dan perbuatannya. Aku terpaut kepadanya seperti anak unta terpaut kepada ibunya. Baginda seringkali menyajikanku nilai-nilai akhlak yang luhur dan murni, dan juga selalu menasihatiku untuk mengikutinya.”

“Setiap tahun, baginda biasanya menghabiskan masa selama beberapa hari di gua Hirā’ dan aku sering bersama-samanya. Akulah satu-satunya sahabat baginda pada masa tersebut, tidak ada orang lain yang dapat menemuinya di gua Hirā’. Di sana, aku biasa melihat nur wahyu dan mencium haruman kerasulannya. Pernah pada suatu ketika Nabi (ṣ.a.w) mengatakan kepadaku: “‘Alī, engkau telah mencapai kedudukan yang sangat mengagumkan. Engkau dapat melihat apa yang aku lihat dan engkau dapat mendengar apa yang aku dengar.”¹¹⁸

Al-Suyūṭī menerangkan bahawa pada suatu waktu, Nabi (ṣ.a.w) juga pernah mengatakan kepadanya yang bermaksud: “Wahai ‘Alī, Allah telah memerintahkanku untuk mempertahankan kedudukanmu di sisiku. Engkau bagiku ibarat telinga yang

¹¹⁸ Abū Nu’aim al-İsbahānī, *Hilyah al-Awliya*, I, h.67.

mendengar dan menampung segala-galanya, kerana telingamu adalah telinga penyimpan, yang telah dipuji oleh al-Qur'ān.”¹¹⁹

Justeru itu, kelihatan Ḥalīl bin Abī Ṭālib (r.a) tidak pernah menjadi murid dan tidak pernah berguru dengan sesiapa pun kecuali Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) yang merupakan guru yang terulung baginya.¹²⁰ Kenyataan ini dibuktikan kerana semenjak dari kecil,¹²¹ beliau telah dipelihara dan dibesarkan di rumah baginda (ṣ.a.w). Beliau sendiri tidak pernah berpisah dengan baginda (ṣ.a.w) dari awal hingga wafat kecuali dalam beberapa peristiwa tertentu sahaja.¹²²

1.3.2 – Manuskrip dan tulisan:

Ḥalīl bin Abī Ṭālib (r.a) dikatakan pengarang dan pengumpul bahan-bahan pemikiran Islam pertama dalam dunia Islam.¹²³ Beliau merupakan salah seorang daripada 17 orang yang terawal dari kalangan orang-orang Islam yang tahu membaca dan menulis.¹²⁴ Ibn Syahrāsyūb mengatakan bahawa tokoh pertama yang menghasilkan penulisan dalam Islam ialah Ḥalīl bin Abī Ṭālib, diikuti dengan Salmān al-Fārisī, dan seterusnya Abū Dhar.¹²⁵ Jadi, tidaklah menghairankan sekiranya beliau dikatakan

¹¹⁹ Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthur*, III, h.120; al-Aminī, *al-Ghadir*, III, h.90. Lihat: Al-Qur'ān, surah al-Hāqqah (69): 12.

¹²⁰ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.72-73.

¹²¹ Al-Baḥrānī, *Ghayah al-Maram*, h.15.

¹²² Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *al-Isabah*, II, h.507.

¹²³ Ibn Syahrāsyūb, *Manaqib*, II, h.41; al-'Āmilī, *'Aqidah al-Syi'ah*, h.65-66.

¹²⁴ Al-Balādhurī, *Futuh al-Buldan*, h.457. Lihat: Al-Sayyid Muḥammad 'Aqīl, *al-Imam 'Ali bin Abi Talib*, h.29.

¹²⁵ Ibn Syahrāsyūb, *op.cit*, II, h.40; Syaraf al-Dīn al-Mūsawī, *al-Muraja'at*, h.328.

mempunyai beberapa buah karya hasil tulisannya sendiri. Di antara karya dan tulisannya yang sudah diketahui umum ialah:

(1) Al-Qur'ān:

Al-Qur'ān al-Karīm yang disusun oleh [ؑ]Alī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) dari segi kronologinya disusun berdasarkan masa penurunan wahyu Allah berasaskan surah-surah dan ayat-ayat. Di dalam penyusunan ini, beliau memperlihatkan perkara berdasarkan am dan khas, *muṭlaq* dan *muqayyad*, *muḥkamah* dan *mutasyābihah*, *nāsikh* dan *mansūkh*, peraturan dan juga tatatertib al-Qur'ān. Beliau turut mengemukakan peristiwa-peristiwa yang menyebabkan ayat-ayat tersebut diturunkan, sehingga Ibn Ṣīrīn sendiri menjelaskan: “ berhati-hatilah memahami kitab tersebut kerana di dalam kitab itu, terdapat ilmu.”¹²⁶

Pengumpulan al-Qur'ān yang dilakukan oleh [ؑ]Alī bin Abī Tālib (r.^{‘a}) dikatakan lebih berbentuk interpretasi (*tafsīr*) berbanding dengan bentuk koleksi surah-surah kerana beliau memasukkan banyak maklumat dan pengetahuannya yang amat dikehendaki oleh umat manusia.

Selepas peristiwa *al-Saqīfah* yang berakhir dengan perlantikan Abū Bakr (r.^{‘a}) sebagai khalifah, [ؑ]Alī (r.^{‘a}) telah mengabadikan diri selama tiga (3) hari dalam rumahnya untuk menyempurnakan tugas terbesarnya bagi mengumpulkan seluruh al-Qur'ān dalam sebuah kitab. Dalam hal ini, beliau sendiri pernah mengatakan: “ Pada ketika Rasulullah (ṣ.^{‘a.w}) wafat, aku bersumpah bahawa aku tidak akan memakai jubah

¹²⁶ Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa'iq al-Muhrīqah*, h.197; ‘Abd al-Halīm al-Jundi, *al-Imam Ja'far al-Sadiq*, h.199-200; Syaraf al-Dīn al-Mūsawī, *al-Murājā'at*, h.327; al-Amin, *A'yan al-Syī'ah*, (bhg.I), III, h.273; Abū Nu'aim al-Īshbāhānī, *Hilyah al-Awliya'*, I, h.67.

di bahuku sehinggahalah aku menyiapkan pengumpulan apa yang ada di antara dua penutup (kitab) ini dan aku tidak akan melakukannya sehinggahalah aku menyelesaikan pengumpulan al-Qur'ān.”¹²⁷

Oleh kerana itu, kebanyakan sumber Islam menyebutkan bahawa beliau (r.'a) merupakan tokoh pertama¹²⁸ yang menjadi pengumpul al-Qur'ān sejurus selepas kewafatan Rasulullah (ṣ.'a.w) kerana pada masa baginda masih hidup, tidak ada seorang pun yang pernah melakukannya, dan *mushaf* tersebut pula merupakan bahan penulisan terawal dan berada dalam simpanan keturunan Ja'far. Sumbangan besar beliau (r.'a) dalam pengumpulan al-Qur'ān dapat dilihat menerusi kepentingan dan kedudukan al-Qur'ān dalam kehidupan umat Islam pada masakini.¹²⁹

(2) *Muṣḥaf Fāṭimah*:

Sebaik sahaja menyudahkan pengumpulan al-Qur'ān al-Karīm, ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.'a) telah mengarang sebuah kitab yang ditulis khusus untuk *Sayyidah Nisā’ al-Ālāmiṇ*, Fāṭimah al-Zahrā’ (r.'a) yang kemudian dikenali di kalangan anak-anaknya sebagai *Muṣḥaf Fāṭimah*. Ia bertujuan untuk meringankan penderitaan dan kesengsaraan

¹²⁷ Sulaym, *al-Saqifah*, h.128; Ibn Syahrāsyūb, *Manaqib*, II, h.41; Abū Nu'aim al-Isbahānī, *ibid*, I, h.67; Ibn Ḥajar al-Haythamī, *ibid*, h.197; Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, h.47-48; Sibṭ Ibn al-Jawzī, *Tadhkīrah*, h.30-31; al-Nasā'i, *al-Khasa’is*, h.39-40.

¹²⁸ Al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.93-94; al-Suyūtī, *al-Itqān*, I, h.176; *Tarikh al-Khulafa'*, h.166; al-Tabarsī, *al-Iḥtijāj*, I, h.155; al-Ṣadr, *Ta'sis al-Sy'i'ah*, h.316-317; al-Najasyī, *Tahdhīb al-Maqāl*, I, h.155.

¹²⁹ *Mushaf* al-Qur'ān ‘Alī (r.'a) dikatakan tidak ada lagi semenjak zaman Khalifah ‘Uthmān ibn ‘Affān dengan penerimaan secara rasmi *Mushaf al-Qur'an* ‘Uthmani.

dalam kehidupan Fātimah al-Zahrā' (r.'a) selepas kewafatan bapanya, Rasulullah (ṣ.‘a.w).¹³⁰

Mushaf ini mengandungi koleksi khutbah, bidalan, pepatah, peribahasa, perumpamaan, riwayat dan ramalan. Ia merupakan catatan yang ditulis hasil daripada bacaan Nabi Muḥammad (ṣ.‘a.w) kepada Ḥāfiẓ (r.’a). Berdasarkan keterangan Ja‘far al-Ṣādiq (r.’a) dikatakan: “ Kami mempunyai *mushaf* Fātimah, demi Allah tidak ada satu perkataan pun daripada al-Qur’ān di dalamnya, tetapi ia merupakan rencana (*imlā’*) yang dibacakan oleh Nabi (ṣ.‘a.w) dan ditulis pula oleh Ḥāfiẓ (r.’a).”¹³¹

Menurut keterangan al-Amin, penafian Ja‘far al-Ṣādiq (r.’a) tentang tidak adanya sesuatu yang berupa al-Qur’ān di dalam *mushaf* itu bertujuan untuk menjelaskan kekeliruan yang timbul disebabkan namanya, *Muṣṭafā Fātimah*, dan supaya ia tidak disangkakan sebagai salah sebuah *mushaf* al-Qur’ān.¹³²

Diceritakan bahawa khalifah al-Manṣūr pernah bertanya kepada ulama’ fiqh di kota Madīnah tentang beberapa masalah mengenai zakat, tetapi tiada seorang pun dapat menjawabnya kecuali Ja‘far al-Ṣādiq (r.’a). Apabila disusuri dan ditanya tentang sumber kepada jawapan yang diberikannya itu, beliau mengatakan ia berasal daripada *Muṣṭafā Fātimah*.¹³³ Justeru itu, kelihatan bahawa *Muṣṭafā Fātimah* hanyalah sebuah kitab yang berbeza dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan al-Qur’ān dan ia juga bukanlah al-Qur’ān.

¹³⁰ Syaraf al-Dīn al-Mūsawī, *al-Muraja’at*, h.327; al-Kulaynī, *Uṣul al-Kafi*, I, h.347; al-Āmilī, ‘Aqidah, h.59-61.

¹³¹ Al-Kulaynī, *ibid*, I, h.346.

¹³² Al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg. II), III, h.273; ‘Abd al-Ḥalīm al-Jundi, *al-Imam Ja’far al-Sadiq*, h.200.

¹³³ Al-Mughniyyah, *al-Syi’ah fi al-Mizan*, h.61.

(3) Al-*Sahīfah*:

Kitab *al-Sahīfah* ditulis sebaik sahaja beliau (r.'a) menyiapkan penulisan *Muṣṭafā Fātimah*. Al-Bukhārī¹³⁴ dan Muslim turut menyebutkannya di dalam kitab *Sahīh* mereka pada beberapa tempat.¹³⁴ Kedua-duanya mengemukakan sebuah riwayat al-A'masy daripada Ibrāhīm al-Taymī yang memetik kata-kata bapanya bahawa Ḥasan bin Abī Tālib (r.'a) pernah menerangkan bahawa *al-Sahīfah* tersebut adalah satu-satunya kitab yang dibaca, ditulis dan dimilikinya selain daripada Kitab Allah (al-Qur'ān). Ia mengandungi segala-galanya membabitkan anggota tubuh (*al-jarāhat*) sehingga kepada gigi unta (*asnān al-ibil*).

Kitab ini mengandungi persoalan tentang *diyāt* yang berhubung dengan jumlah wang yang dikenakan ke atas kesalahan jenayah kerana membunuh, kecacatan anggota dan kecederaan yang lain. *Diyāt* juga berkaitrapat dengan kes-kes secara sengaja dan tidak sengaja ataupun dalam kes-kes yang tidak ada hukuman, ataupun ia tidak boleh dijadikan undang-undang atau peraturan.¹³⁵

(4) Al-*Jāmi'ah*:

Al-Jāmi'ah ialah sebuah kitab berupa kepingan-kepingan kulit dituliskan oleh Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) kepada Ḥasan bin Abī Tālib (r.'a). Kitab tersebut dikatakan mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan halal dan haram dan penjelasan

¹³⁴ Al-Bukhārī, *Sahih*, VIII, h.10; Muslim, *Sahih*, II, h.995-999; al-Muttaqī al-Hind, *Kanz al-'Ummal*, V, h.445; al-Dhababī, *Tadħirkah al-Huffaz*, I, h.12.

¹³⁵ Syaraf al-Dīn al-Mūsawī, *al-Muraja'at*, h.327-328.

tentang perintah sebagaimana terkandung dalam al-Qur'an. Para Imam daripada keturunan *Ahl al-Bayt* Rasulullah (ṣ.a.w) dikatakan mewarisinya secara silih berganti, dan mereka menamakannya sebagai *al-Jāmi'ah*, *al-Sahīfah*, *Kitāb 'Alī* dan *al-Sahīfah al-'Atīqah* (kitab tua) yang mengandungi hukum-hukum Allah.¹³⁶

Menurut Ja'far al-Ṣādiq (r.a) sebagai salah seorang daripada anggota *Ahl al-Bayt* Rasulullah (ṣ.a.w) dikatakan bahawa dengan memiliki kitab tersebut, mereka tidak perlu merujuk kepada orang lain, sebaliknya orang lain pula memerlukan mereka. Beliau merujuknya kepada sebuah kitab yang dibacakan oleh Rasulullah (ṣ.a.w) dan ditulis oleh Ḥasan (r.a) yang mengandungi segala tulisan mengenai semua perkara meliputi yang halal dan yang haram.¹³⁷ Selanjutnya, beliau menjelaskan kitab itu berukuran 70 hasta panjang mengikut ukuran tangan Rasulullah (ṣ.a.w) dan ia mengandungi apa sahaja yang diperlukan oleh sekalian umat manusia dan tiada sesuatu pun yang tidak didapati di dalamnya, termasuklah denda yang dikenakan kerana suatu torehan.¹³⁸

(5) Kitab tentang Tugas-tugas:

Kitab ini mengandungi keputusan-keputusan Ḥasan (r.a) dalam hak pewarisan dan kes-kes lain yang melibatkan perundangan. Dalam beberapa keterangan dikatakan ia kemungkinan adalah sebahagian daripada *al-Jāmi'ah*.¹³⁹

¹³⁶ Al-Āmilī, *'Aqidah*, h.52.

¹³⁷ Al-Kulaynī, *Usul al-Kafi*, I, h.349; al-Āmilī, *ibid*, h.53.

¹³⁸ 'Abd al-Ha'īm al-Jundi, *al-Imam Ja'far al-Sadiq*, h.199-200; al-Kulaynī, *ibid*, I, h.346; al-Āmilī, *ibid*, h.53.

¹³⁹ Al-Āmilī, *ibid*, h.65; al-Amin, *A'yān al-Syī'ah*, (bhg.II), III, h.273.

(6) Al-Jafr:

Dari segi bahasa, *al-Jafr* bermaksud anak kambing yang membesar dan kuat atau yang berusia empat (4) tahun. Perkataan *al-Jafr* dalam bentuk mufrad dan *ajfār* atau *jufar*¹⁴⁰ dalam bentuk jamak, biasanya merujuk kepada kulit kambing.¹⁴¹ *Al-Jafr* (kepingan kulit kambing, lembu atau unta) merupakan nama yang diberikan kepada salah satu cabang ilmu tertentu, dituliskan oleh Nabi (ṣ.a.w) kepada Ḥāfiẓah (r.a) pada kepingan kulit. Ia mengandungi peristiwa-peristiwa masa hadapan, kitab-kitab suci para nabi yang terdahulu, kitab-kitab yang diwahyukan sebelum al-Qur’ān,¹⁴² dan juga ilmu pengetahuan para nabi, wasi dan para ulama dari kalangan Bani Isra’īl.¹⁴³

Menurut Ja’far al-Ṣādiq (r.a), *Ahl al-Bayt* Rasulullah (ṣ.a.w) mempunyai *al-Jafr al-Abyad*,¹⁴⁴ *al-Jafr al-Āḥmar*¹⁴⁵ dan *al-Jafr al-Jāmi’* dan dikatakan bahawa semua yang berasal daripada keturunan Ḥāfiẓah bin Abī Tālib (r.a) mengetahui rahsia perkara tersebut.¹⁴⁶

¹⁴⁰ Al-‘Āmilī, ‘Aqidah, h.54-59.

¹⁴¹ Al-Mughnīyyah, *al-Siy’ah fi al-Mizan*, h.56; Abū Zuhrah, *Tarikh al-Madhabib*, h.696.

¹⁴² Al-‘Āmilī, *op.cit*, h.66; al-Kulaynī, *Usul al-Kafi*, I, h.347. Lihat juga: Syed Mohammad Waris Hasan, *A Critical Study of Nahj al-Balaghah*, h.49-50. (Beliau memetik kata-kata Ahmad Amin bersumberkan *Fajr al-Islam*.)

¹⁴³ Al-Kulaynī, *ibid*, I, h.345. Lihat juga: Abū Zuhrah, *op.cit*, h.697.

¹⁴⁴ Al-Kulaynī, *ibid*, I, h.347. (Dikatakan ia mengandungi Zabūr Nabi Dā’ūd (‘a.s), Tawrāt Nabi Mūsā (‘a.s), Injil Nabi ‘Isā (‘a.s) dan Shuhuf Nabi Ibrāhīm (‘a.s) serta perkara-perkara yang halal dan haram. Lihat: al-‘Āmilī, ‘Aqidah, h.59.)

¹⁴⁵ Al-Kulaynī, *ibid*, I, h.347.

¹⁴⁶ Al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanabī’ al-Mawaddah*, II, h.404; al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, VIII, h.382.

Kebanyakan ulama tanpa mengira madhhab turut menyebutkannya. Di antara mereka ialah al-İji¹⁴⁷, al-Jurjānī,¹⁴⁷ Ibn al-Şabbāgh al-Mālikī dan al-Qandūzī al-Ḥanafī,¹⁴⁸ Abū al-‘Alā’ al-Ma‘arī juga dikatakan menuliskan dua baris syair menerangkan bahawa *al-Jafr* adalah ilmu *Ahl al-Bayt* Nabi Muḥammad (ṣ.a.w).¹⁴⁹

Menurut al-Qandūzī al-Ḥanafī, *al-Jafr* daripada tulisan Ḥaḍīd bin Abī Ṭālib (r.a) mengandungi 1700 sumber (*maṣdar*) yang merupakan kunci segala ilmu pengetahuan (*maṣātiḥ al-‘ulūm*) dan kilauan bintang (*maṣābiḥ al-miyūm*) dan dikenali di kalangan ulama’ *al-hurūf* sebagai *al-Jafr al-Jāmi’ wa al-Nūr al-Lāmi’* yang terdiri daripada dua buah kitab.

Salah satu daripadanya diterangkan oleh Ḥaḍīd bin Abī Ṭālib (r.a) sendiri dalam khutbah *al-Bayān*nya manakala satu lagi Rasulullah (s.a.w) sampaikan kepadanya secara rahsia seperti disabdakan menerusi riwayat Ibn ‘Abbās dengan maksud: “Akulah kota ilmu (*madīnah al-ilm*) dan Ḥaḍīd adalah pintunya (*bābu-ha*).¹⁵⁰ Rasulullah (s.a.w) memerintahkan beliau (r.a) mengumpulkan dan menuliskannya. Tindakan susulan telah dilakukannya dengan menulis huruf-huruf yang berpecah daripada *tariqah safar* Nabi Ādam (‘a.s) dan dicatatkan pada bahagian kulit (*jafr*) unta dan ia dikenali di kalangan orang ramai sebagai *al-Jafr al-Jāmi’ wa al-Nūr al-Lāmi’*.¹⁵¹ *Al-Jafr* atau *Jafr Jāmi’ al-*

¹⁴⁷ Al-Jurjānī, *Syarh al-Mawaqif*, VI, h.22. Lihat juga: Ibn Quṭaybah, *Ta’wil Mukhtalif al-Hadīth*, h.49.

¹⁴⁸ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II, h.404.

¹⁴⁹ Al-Mughniyyah, *al-Syi’ah fī al-Mizan*, h.56.

¹⁵⁰ Al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.220; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.126-127; Ibn ‘Asākir, *Tarikh*, II, h.459; al-Amini, *al-Ghadir*, VI, h.61-81; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.47; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.83.

¹⁵¹ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *op.cit*, II, h.403.

Dunyā wa al-Ākhirah juga dikatakan mengandungi semua ilmu pengetahuan, yang muhkamah, yang mutasyabihat, perkara-perkara yang ghaib, keunikan sesuatu dan kesannya, keunikan nama-nama dan huruf-huruf yang tidak diketahui seorang jua pun melainkan Ḥuḍīr bin Abī Ṭālib (r.a) dan sebelas (11) orang pengganti daripada keturunannya. Pada hakikatnya, mereka dikatakan mewarisi perkara tersebut daripada nenek-moyang mereka sendiri.¹⁵²

Menurut al-Jurjānī, *al-Jafr* dan *al-Jāmi‘ah* adalah dua buah kitab Ḥuḍīr (r.a) yang dikatakan mengandungi pengetahuan berdasarkan ilmu huruf yang mengungkapkan segala kejadian dari awal sehingga hari Kiamat. Para Imam yang terkenal di kalangan anak-anaknya mengetahui kedua-dua kitab itu dan mengambil hukum daripadanya.¹⁵³ Bagaimanapun menurut al-Amin, *al-Jafr* bukanlah sejenis ilmu yang diasaskan kepada huruf-huruf dan bukan juga mengandungi khabar atau riwayat.¹⁵⁴

Pada zahirnya, *al-Jafr* adalah sebuah kitab yang mengandungi perkara-perkara yang halal dan haram, dan juga mengandungi segala keperluan manusia terhadap hukum-hukam agama dan kebaikan dunia mereka. Beliau turut menafikan *al-Jafr* membawa pengertian ilmu ghaib di kalangan *Ahl al-Bayt* (r.a).

(7) Musnad:

¹⁵² Abū Zuhrah menyebutkannya dengan mengambil sumber daripada al-Kulaynī. Lihat: *Tarikh al-Madhabib*, h.698; al-Kulaynī, *Usul al-Kafi*, I, h.345-347.)

¹⁵³ Al-Jurjānī, *Syarh al-Mawaqif*, VI, h.22.

¹⁵⁴ Al-Amin, *Naqd al-Wasyi‘ah*, h.295.

Kitab *Musnad* dikatakan mengandungi hadith-hadith dan riwayat-riwayat yang merupakan petikan daripada sabda Rasulullah (ṣ.a.w) yang ditulis oleh ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a), dan ia dikatakan telah dikumpulkan oleh al-Nasā’i.¹⁵⁵

(8) Kitab-kitab lain:

Kitab-kitab lain yang dikatakan ditulis oleh ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) adalah:

1. Kitab mengenai cukai-cukai ke atas barang-barang penghasilan.
2. Kitab mengenai zakat kambing.
3. Kitab mengenai *fiqh* dan bab-bab yang berkaitan dengannya.
4. Kitab *al-Wāsiyyah* – dikatakan salah satu kitab yang dikurniakan Allah kepadanya (r.‘a) menerusi Nabi Muḥammad (ṣ.a.w) yang dibawa daripada malaikat Jibrīl (‘a.s).¹⁵⁶
5. Kitab mengenai bab-bab yang berbeza berhubung dengan bidang perundangan.
6. Kitab *Āmali* yang dikatakan terdiri daripada 60 jenis tentang ilmu al-Qur’ān dengan setiap satu daripadanya dikemukakan dengan contohnya (*mithāl*).¹⁵⁷

1.4 - Keistimewaan ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a):

1.4.1 - Keistimewaan ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) dalam al-Qur’ān:

Selepas Rasulullah (ṣ.a.w), ‘Alī bin Abī Tālib (r.‘a) adalah manusia istimewa yang disebutkan keistimewaan, kebaikan dan keutamaannya dalam al-Qur’ān al-

¹⁵⁵ Al-Amin, *A'yan al-Syi'ah*, (bhg.II), III, h.273.

¹⁵⁶ Al-Mas'ūdi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.121-122.

¹⁵⁷ Al-Amin, *op.cit*, III, h.273.

Karim. Keutamaannya (*manāqib*) dalam al-Qur'an dikatakan lebih banyak dibandingkan dalam al-Sunnah¹⁵⁸ dan bahkan sehingga tidak terhitung.¹⁵⁹

Ibn 'Abbās (r.'a) mengatakan: "Tiada suatu ayat pun dalam Kitab Allah (s.w.t) yang menyebutkan (*Ya ayyuha al-ladhīna āmanū*) melainkan ^cAlī (r.'a) adalah tokoh pertama, pemerintah (*amīr*), bangsawan (*syārif*) dan ketuanya (*ra's*)."¹⁶⁰ manakala dalam hadith yang lain pula disebutkan: "Dalam setiap ayat yang menyebutkan (*Ya ayyuha al-ladhīna āmanū*), ^cAlī adalah pemimpinnya (*Imām*)."¹⁶¹ Beliau juga turut mengemukakan keterangan bahawa terdapat sebanyak 300 ayat al-Qur'an diturunkan berkaitan dengan ^cAlī bin Abī Tālib (r.'a).¹⁶²

Allah (s.w.t) menerusi al-Qur'an dikatakan telah menamakan ^cAlī (r.'a) sebagai *mu'min* dalam sepuluh (10) ayat¹⁶³ yang merujuk kepada dirinya secara khusus, di antaranya seperti dalam maksud ayat-ayat berikut:

Pertama: "Maka apakah orang beriman (*mu'min*) seperti orang yang fasiq? Mereka tidak sama."¹⁶⁴

¹⁵⁸ Al-Kanjī al-Syāfi'i, *Kifayah al-Talib*, h.231.

¹⁵⁹ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, I, h.121-123; 90-91; 124-126.

¹⁶⁰ Abū Nu'aim al-Isbahānī, *Hilyah al-Awliya'*, I, h.64; al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.87; Ibn Ḥajar al-Haythamī, *al-Sawa'iq al-Muhrīqah*, h.196; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.89; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.267.

¹⁶¹ Al-Kanjī al-Syāfi'i, *op.cit*, h.139, 189; al-Syablanjī, *ibid*, h.90; al-Ṭabarī, *al-Iḥtijāj*, I, h.137; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *ibid*, h.89; Sibṭ Ibn al-Jawzī, *Tadkirah al-Khawwas*, h.16.

¹⁶² Al-Kanjī al-Syāfi'i, *ibid*, h.231; al-Syablanjī, *ibid*, h.90-91; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *op.cit*, I, h.124-126; al-Suyūjī, *Tarikh al-Khulafā'*, h.161; Ibn Ḥajar al-Haythamī, *op.cit*, h.76.

¹⁶³ Al-Ṭabarī, *op.cit*, I, h.137; al-Kanjī al-Syāfi'i, *ibid*, h.137.

¹⁶⁴ Al-Qur'an, surah al-Sajdah (32): 18. Lihat: al-Wāhiḍī al-Naysābūrī, *Asbab al-Nuzul*, h.235-236; al-Ṭabarī, *Jamī' al-Bayan*, XXI, h.107; Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *op.cit*, h.88; al-Khwārizmī, *op.cit*, h.279; al-Zamakhsyārī, *al-Kasyṣyaf*, II, h.525.

Kedua: “ Hai Nabi, cukuplah Allah dan orang-orang mu’mín (*al-mu’mínin*) yang mengikutimu (menjadi penolongmu).”¹⁶⁵

Ketiga: “ Apakah (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjid al-Haram, kamu samakan dengan orang-orang yang beriman (*amanah*) kepada Allah dan hari kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.”¹⁶⁶

Keempat: “ Apakah orang-orang yang membuat kejahatan itu menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman (*āmanū*) dan mengerjakan amal yang salih, iaitu sama antara kehidupan dan kematian mereka? Amat buruklah apa yang mereka sangka itu.”¹⁶⁷

Kelima: “ Sesungguhnya orang-orang yang beriman (*āmanū*) dan beramal salih, kelak Allah Yang Maha Pemurah akan menanamkan dalam (hati) mereka rasa kasih sayang (*wudd*).”¹⁶⁸

Keenam:“ Sesungguhnya orang-orang yang beriman (*āmanū*) dan mengerjakan amal salih mereka itu adalah sebaik-baik makhluk.”¹⁶⁹

Ketujuh: “ Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman (*āmanū*) dan mengerjakan amal salih dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran.”¹⁷⁰

Kelapan: “ Di antara orang-orang mu’mín (*al-mu’mínin*) itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka

¹⁶⁵ Al-Qur’ān, surah al-Anfāl (8): 64.

¹⁶⁶ Al-Qur’ān, surah al-Tawbah (9): 19. Lihat: Al-Tabārī, *Jami’ al-Bayan*, X, h.59; al-Qurtubī, *Ahkām al-Qur’ān*, VIII, h.91; al-Rāzī, *Mafatih al-Ghayb*, IV, h.422; al-Khāzin, *Bab al-Ta’wil*, II, h.221; Ibn Kathīr, *Tafsīr*, II, h.341; al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthur*, III, h.218; al-Amīnī, *al-Ghadir*, II, h.49; al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanabī’ al-Mawaddah*, I, h.93; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.238.

¹⁶⁷ Al-Qur’ān, surah al-Jāthiyah (45): 21. Lihat: Sibṭ Ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.17; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.275; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.247.

¹⁶⁸ Al-Qur’ān, surah Maryam (19): 96. Lihat: Al-Suyūtī, *op.cit*, IV, h.287; Sibṭ Ibn al-Jawzī, *ibid*, h.16, 18; al-Khwārizmī, *ibid*, h.278; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.249; Ibn al-Maghāzilī, *Manaqib*, h.327.

¹⁶⁹ Al-Qur’ān, surah al-Bayyinah (98): 7. Lihat: Al-Suyūtī, *ibid*, VI, h.379; al-Tabārī, *op.cit*, XXX, h.146; al-Khwārizmī, *ibid*, h.66, 178; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.245-247; Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa’iq al-Muhrīqah*, h.195.

¹⁷⁰ Al-Qur’ān, surah al-‘Asr (103): 1-3. Lihat: Al-Suyūtī, *ibid*, VI, h.392.

di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka sedikit pun tidak mengubah (janjinya).”¹⁷¹

Kesembilan: “ Dan jika mereka bermaksud hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjadi pelindungmu). Dialah yang memperkuatkanmu dengan pertolongan-Nya dan dengan orang-orang mu’min (*bi al-mu’minin*).”¹⁷²

Kesepuluh: “ Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman (*āmanū*), yang mendirikan salat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah).”¹⁷³

Ibn ‘Abbās juga menjelaskan bahawa tiada seorang pun disebutkan dalam Kitab Allah sebanyak yang diturunkan kepada ‘Alī (r.’a) dan kelebihannya (*fadā’il*) begitu banyak dan diketahui umum.¹⁷⁴ Justeru, tidaklah menghairankan sekiranya Rasulullah (ṣ.’a.w) menyebutkannya dalam sabda baginda (s.’a.w) yang bermaksud: “ ‘Alī bersama-sama dengan al-Qur’ān dan al-Qur’ān bersama-sama dengan ‘Alī. Kedua-duanya tidak akan berpisah daripadaku sehingga (kedua-duanya) menemuiku di *al-Haud*. ”¹⁷⁵

1.4.2 -Keistimewaan ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) dalam al-Ḥadīth:

¹⁷¹ Al-Qur’ān, surah al-Āḥzāb (33): 23. Lihat: Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthur*, V, h.192; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.279; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.239.

¹⁷² Al-Qur’ān, surah al-Anfāl (8): 62. Lihat: Al-Suyūṭī, *ibid*, III, h.199; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *al-Riyad al-Nadīrah*, II, h.172; *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.69; al-Khwārizmī, *ibid*, h.254; al-Aminī, *al-Ghadir*, II, h.46; Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, I, h.94; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.234.

¹⁷³ Al-Qur’ān, surah al-Mā’idah (5): 55. Lihat: Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *ibid*, h.88; Sibṭ Ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.15.

¹⁷⁴ Al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.90; Sibṭ Ibn al-Jawzī, *ibid*, h.13.

¹⁷⁵ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.124; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *op.cit*, I, h.90-91; Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa’iq al-Muhrīqah*, h.190-193; al-Syablanjī, *ibid*, h.89.

⁶
“Ali bin Abi Tālib (r.a) dikurniakan keistimewaan dan keunikian berbanding dengan sekalian sahabat dengan 100 kebaikan (*mangabah*) dan bahkan beliau pula berkongsi dengan mereka dalam setiap kebaikan yang ada pada mereka.”¹⁷⁶

Aḥmad ibn Ḥanbal pernah mengatakan: “Tidak akan ada seorang sahabat pun yang begitu banyak diceritakan (keistimewaan) mereka kecuali ⁶Ali.”¹⁷⁷ Di samping itu, al-Qādī Ismā’īl, Ibn Ishāq, Abū ⁶Ali al-Nīsābūrī dan al-Nasā’ī mengatakan: “Kami tidak menemui seorang sahabat pun dalam bab kelebihan (*fadā’il*) dengan sanad yang baik setanding dan sebaik seperti riwayat mengenai ⁶Ali.¹⁷⁸ ⁶Ali bin Abi Tālib (r.a) mempunyai keistimewaan dan kecemerlangan yang tidak dapat ditandingi dan bahkan dicemburui oleh manusia-manusia yang ingin merendah-rendahkan kedudukannya.”

Al-Syablanjī menyebutkan bahawa terdapat lebih kurang 586 buah hadith mengenai keistimewaan ⁶Ali bin Abi Tālib (r.a) telah diriwayatkan dan seterusnya beliau memberikan komentarnya seperti berikut:” Secara keseluruhannya, kelebihan (*fadā’il*), kebaikan (*manāqib*) dan kedudukan (*makānah*) ⁶Ali bin Abi Tālib (r.a) dari segi keilmuan, kefahaman, keteguhan (*istiqāmah*), keberanian, mempunyai firasat yang benar (*al-firāsah al-sādiqah*), kemuliaan (*karāmah*) yang luar biasa, keutuhan dalam membantu Islam, keterdahuluan dalam keimanan, bersifat pengasih (*syafaqah*) kepada umat Islam, zuhud, merendah diri (*tawāḍu’*) dan lain-lain akan memerlukan kepada berjilid-jilid tulisan.”¹⁷⁹

¹⁷⁶ Al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.230; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, I, h.121-123.

¹⁷⁷ Ibn Ḥanbal, *al-Muṣnad*, I, h.108, 114, 118; Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *al-Isabah*, II, h.507; al-Kanjī al-Syāfi’ī, *ibid*, h.253; al-Jazārī, *Asna al-Matalib*, h.19-21; al-Suyūṭī, *Tarikh al-Khulafā’*, h.168.

¹⁷⁸ Al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.91.

¹⁷⁹ Al-Syablanjī, *ibid*, h.91, 118.

1.5 – Ketokohan ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) dalam Peperangan:

1.5.1 – Perang al-Jamal:

Peperangan al-Jamal merupakan peperangan saudara yang pertama melibatkan sesama umat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad (ṣ.a.w). Selepas pembunuhan ‘Uthmān bin ‘Affān (r.’a) selaku khalifah ketiga dalam senarai *al-Khulafā’ al-Rāsyidīn*, ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) yang dipilih sebagai pengganti secara rasmi baru menjadi khalifah selama 5 bulan 21 hari.¹⁸⁰

Peperangan al-Jamal bersempena seekor unta yang bernama *al-‘Askar*¹⁸¹ ditunggangi oleh ‘Ā’isyah, tercetus pada bulan Jumada al-Akhirah tahun 36H/657M di Khuraybah, berhampiran dengan kota Basrah membabitkan dua pihak, iaitu ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) selaku khalifah rasmi umat Islam dengan ‘Ā’isyah, isteri Rasulullah (ṣ.a.w), al-Zubayr bin al-‘Awwām, Talḥah bin ‘Ubaydillah dan lain-lain yang disebutkan dalam hadith-hadith Nabi (ṣ.a.w) sebagai golongan *al-Nākitīhīn*.¹⁸² Ia melibatkan umat Islam yang begitu besar jumlahnya yang dianggarkan seramai 50 000 orang.

Punca perpecahan dan peperangan sesama Islam di antaranya adalah kerana ‘Ā’isyah ingin menuntut bela kematian ‘Uthmān bin ‘Affān yang dikatakan dibunuh secara zalim oleh para penentangnya.¹⁸³ Walaupun, pada peringkat awalnya, diketahui umum bahawa ‘Ā’isyah sendiri merupakan penentang yang paling kuat terhadap ‘Uthmān

¹⁸⁰ Al-Mas’ūdī, *Muṣṭafā al-Dhahab*, II, h.351; al-Ya‘qūbī, *Tarikh*, II, h.180.

¹⁸¹ Al-Ṭabarī, *Tarikh*, IV, h.452.

¹⁸² Al-Ya‘qūbī, *op.cit*, II, h.193; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.175; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.33.

¹⁸³ Al-Ṭabarī, *op.cit*, IV, h.458-459; al-Ya‘qūbī, *ibid*, II, h.182.

dengan menggelarkannya *al-Na'thal*, menganggapkannya sebagai kafir dan bahkan meminta umat Islam membunuhnya.¹⁸⁴

Selain itu, al-Zubayr bin al-'Awwām dan Ṭalḥah bin 'Ubaydillāh dikatakan bercita-cita untuk menjadi khalifah dengan mendapat sokongan kuat daripada 'Ā'isyah sendiri kerana hubungan kekerabatan yang erat di antara mereka. Kedua-duanya adalah adik dan abang ipar kepada 'Ā'isyah kerana perkahwinan mereka dengan adik dan kakaknya dan mereka juga bersaudara sepupu dengan Abū Bakr (r.'a). Mereka berdua juga dikatakan berhasrat untuk menjadi gabenor Basrah dan Kufah. 'Abdullāh, anak al-Zubayr sendiri dijadikan anak angkat 'Ā'isyah.¹⁸⁵

Umum telah mengetahui bahawa 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) tidak mengingini jawatan khalifah dan bahkan beliau menawarkan jawatan tersebut tersebut kepada orang lain termasuk al-Zubayr bin al-'Awwām dan Ṭalḥah bin 'Ubaydullāh. Beliau lebih rela menjadi penasihat khalifah para pemilih pada masa itu mempunyai calon khalifah mereka sendiri. Namun, beliau hanya menerima dengan syarat mereka mengikut segala ketetapannya dalam pemerintahan.¹⁸⁶

Sewaktu 'Alī (r.'a) diberitahu tentang pemberontakan 'Ā'isyah di kota Makkah, beliau tidak mengambil tindakan yang drastik kecuali sekiranya tentangan itu dilakukan secara terang-terangan dan boleh mengancam kesatuan umat Islam. Selepas menerima maklumat daripada Umm Salamah, isteri Nabi (ṣ.'a.w) dan juga Umm al-Fazl, isteri 'Abbās barulah beliau bertindak mengumpulkan tentera dan melakukan persediaan. Pada

¹⁸⁴ Al-Ṭabarī, *Tarikh*, IV, h.459; al-Ya'qūbī, *Tarikh*, II, h.182; al-Faḍl bin Syādhān, *al-Idah*, h.259-262.

¹⁸⁵ Al-Ya'qūbī, *ibid*, II, h.182, 183.

peringkat awal, sambutan dingin diberikan oleh penduduk Madinah. Hanya selepas 3 hari, barulah beliau mulai mendapat sokongan ramai.¹⁸⁷

Dengan tentera seramai 700 atau 900 orang, beliau mara ke Basrah dan berhenti di al-Rabazah.¹⁸⁸ Semasa di Dhi Ḥarā, beliau menunggu untuk mendapatkan bantuan daripada penduduk Kufah menerusi beberapa orang utusannya yang diutus secara silih berganti kerana gagal mendapat bantuan penduduk Kufah pada peringkat awal yang menurut arahan Abū Mūsā al-Asy'arī yang enggan berbuat demikian. Hanya setelah al-Ḥasan bin Ḥasan dan ‘Ammār bin Yāsir dihantar, barulah penduduk Kūfah dapat diyakinkan dan akhirnya, seramai 7000 atau 9000 orang dapat dikumpulkan.¹⁸⁹ Ḥasan (r.’a) meminta mereka menjadi saksi di antaranya dan saudara-saudara mereka di Basrah. Beliau mengatakan sekiranya mereka menyerah diri dengan baik, mereka tidak akan dianiyakan melainkan mereka yang memulakan serangan.¹⁹⁰

Ḥasan (r.’a) dikenali sebagai seorang yang bersikap adil dalam segala keadaan. Beliau mengambil beberapa langkah yang menggambarkan sikapnya, di antaranya tidak membenarkan tenteranya memulakan perperangan, sentiasa berwaspada sebelum diserang, tidak membunuh orang yang lari dan cuba mengelakkan perperangan sedaya mungkin.¹⁹¹

¹⁸⁶ Al-Tabarī, *Tarikh*, IV, h.427; al-Ya'qūbī, *Tarikh*, II, h.182; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.178. Lihat sama: George Jordac, *The Voice of Human Justice*, h.419.

¹⁸⁷ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.221.

¹⁸⁸ Al-Mas'ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.358.

¹⁸⁹ *Ibid*, II, h.359; al-Tabarī, *op.cit*, IV, h.487; al-Ya'qūbī, *op.cit*, II, h.181.

¹⁹⁰ Al-Tabarī, *ibid*, IV, h.483; Ibn al-Āthīr, *op.cit*, III, h.226-228; al-Khwārizmī, *op.cit*, h.186.

¹⁹¹ Al-Mas'ūdī, *op.cit*, II, h.361.

Tentera [ؑ]Ali umumnya terdiri daripada anak-anaknya sendiri, al-Hasan, al-Husayn dan Muḥammad al-Ḥanafiyah, para sahabat beliau yang juga merupakan sahabat-sahabat Nabi (s.'a.w) yang cukup berpengalaman dalam peperangan seperti Ibn ‘Abbās, ‘Ammār bin Yāsir, Abū Ayyūb al-Anṣārī, Khuzaymah bin Thābit, Qays bin Sa‘d bin ‘Ubādah, ‘Ubayd-Allāh bin ‘Abbās, Muḥammad bin Abī Bakr, Hujr bin Adī, ‘Adī bin Hatim al-Tayy dan lain-lain dengan mendapat sokongan penduduk Madinah dan Kūfah yang secara keseluruhannya berjumlah seramai 20 000 orang.¹⁹²

Tentera ‘Ā’isyah pula terdiri daripada al-Zubayr bin al-‘Awwām, Talḥah bin Ubaydillāh, ‘Abdullāh bin al-Zubayr, Marwān bin al-Ḥakam dan lain-lain dengan mendapat sokongan penduduk Makkah dan Baṣrah yang berjumlah seramai 30 000 orang, dan kebanyakannya masih baru dan belum begitu berpengalaman dalam peperangan.¹⁹³

Beberapa langkah tertentu dilakukan oleh [ؑ]Ali (r.'a) sebelum itu, dan di antaranya adalah dengan mengutuskan surat kepada ‘Ā’isyah, Talḥah dan al-Zubayr¹⁹⁴ untuk mengetahui alasan dan juga untuk mengingatkan mereka tentang kesalahan mereka kerana menurutnya, tidak ada seorang di kalangan mereka berhak menuntut bela di atas kematian ‘Uthmān yang berketurunan Umaiyyah kerana mereka bukan daripada keturunan itu. ‘Ā’isyah mengenepikan peringatan itu dalam perutusannya, manakala al-

¹⁹² Al-Mas‘ūdī, *Muṣṭafā al-Dhahab*, II, h.361.

¹⁹³ *Ibid*, II, h.361.

¹⁹⁴ Ibn Abī al-Hadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XVII, h.131; al-Ya‘qūbī, *Tarikh*, II, h.182-183; al-Khwārizmī, *Maṇaqib*, h.183.

Zubayr dan Talhah memaklumkan bahawa mereka tidak lagi bersedia mentaati perintah dan kehendaknya.¹⁹⁵

Sewaktu menghampiri kota Basrah, ^cAli juga dikatakan telah mengutuskan Qa'qā' bin 'Amrū, sahabat Nabi kepada ketua pemberontak untuk mengadakan perundingan.¹⁹⁶ Malahan ^cAli (r.'a) sendiri sempat berbicara panjang dengan kedua-dua pemimpin tentera 'Āisyah iaitu al-Zubayr dan Talhah. Dalam pertemuan dengan al-Zubayr, ^cAli bin Abī Tālib (r.'a) mengingatkannya tentang kata-kata Nabi (ṣ.'a.w) kepadanya yang bermaksud: “ Sesungguhnya, demi Allah engkau (al-Zubayr) akan memeranginya (^cAli (r.'a)) dan engkau pada masa itu telah melakukan kezaliman terhadapnya.”¹⁹⁷ Begitu juga Talhah yang turut diperingatkan tentang sabda Nabi (ṣ.'a.w) kepadanya: “ Ya Allah, tolonglah orang yang menolongnya (^cAli (r.'a)) dan musuhilah orang yang memusuhiinya.”¹⁹⁸ ^cAli (r.'a) mengatakan bahawa dia merupakan orang yang pertama memberikan bai'ah kepadanya dan kemudian mengingkarinya. Lalu, ^cAli (r.'a) membacakan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“ Barang siapa yang melanggar janjinya (*nakatha*) nescaya akibat dia melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri.”¹⁹⁹

Perbicaraan di antara ^cAli (r.'a) dengan al-Zubayr dan Talhah yang memakan masa yang agak lama menyebabkan orang ramai menjangkakan bahawa peperangan

¹⁹⁵ Al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.184; Ibn Quṭaybah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, h.70; al-Ya'qūbi, *Tarikh*, II, h.183; Sulaym, *al-Saqifah*, h.109, 131.

¹⁹⁶ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.232; al-Tabārī, *Tarikh*, IV, h.484; Ibn Qutaybah, *ibid*, I, h.63.

¹⁹⁷ Al-Mas'ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.363; Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.240; al-Khwārizmī, *op.cit*, h.179-180; Ibn al-'Imād, *Syadharat al-Dhahab*, I, h.43.

¹⁹⁸ Al-Mas'ūdī, *ibid*, II, h.365; Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.244; al-Kanjī al-Syāfi'ī, *Kifayah al-Talib*, h.50-65; al-Khwārizmī, *ibid*, h.182-183.

mungkin tidak akan berlaku. Bagaimanapun, pada pagi hari Jumaat 16 Jumada al-AkhiraH 36H atau November 657M, ‘Ā’isyah telah menunggangi untanya dan menyeru tenteranya bersedia berperang. Walaupun perperangan telah diisytiharkan oleh pihak ‘Ā’isyah, tetapi ‘Alī (r.’a) masih mengambil sikap bersedia dan bahkan sempat memberikan peringatan kepada tenteranya supaya tidak memulakan serangan kecuali diserang terlebih dahulu. Di samping itu, beberapa arahan lain turut diberikan iaitu mereka diminta untuk tidak membunuh orang yang cedera, mengejar orang yang lari dan juga merampas harta dan rumah.²⁰⁰

Beliau dikatakan masih mencuba untuk melakukan perdamaian dengan menghantarkan seorang yang bernama Muslim membawa al-Qur’ān dengan tangan kanannya dan menyeru mereka kepada Allah (s.w.t). Selepas tercedera, beliau menjulang dengan tangan kirinya dan akhirnya dengan kedua-dua tangan yang tercedera, beliau mengangkat al-Qur’ān ke dadanya sehingga terbunuh.²⁰¹

Hanya selepas pembunuhan, barulah ‘Alī (r.’a) memulai serangan terhadap tentera ‘Ā’isyah. Dalam perperangan tersebut, Talhah yang dipanah kakinya oleh Marwān bin al-Hakam²⁰² menembusi badan kuda dan tercampak ke tanah sehingga cedera teruk, akhirnya menemui ajalnya dengan sempat memberikan bai’ah terakhir kepada salah seorang anggota tentera ‘Alī.²⁰³ Al-Zubayr pula menemui kematian di luar medan perang

¹⁹⁹ Al-Qur’ān, surah al-Fath (48): 10.

²⁰⁰ Al-Tabarī, *Tarikh*, IV, h.541; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.183.

²⁰¹ Al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.361; al-Tabarī, *Tarikh*, IV, h.511; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.179, 186.

²⁰² Al-Mas’ūdī, *ibid*, II, h.365; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.182; Ibn al-‘Imād, *Syadharat al-Dhahab*, I, h.43.

²⁰³ Al-Khwārizmī, *op.cit*, h.183.

kerana dia berhasrat menarik diri daripada peperangan, dan akhirnya dibunuh oleh ‘Amrū bin Jurmuz, salah seorang suruhan al-Aḥnaf bin Qays pada masa melakukan salat.²⁰⁴

Selepas serangan bertalu-talu terhadap tentera ‘Ā’isyah yang bertahan di sekeliling unta yang ditunggangi ‘Ā’isyah hingga berjaya ditumbangkan oleh Mālik al-Asyar, barulah akhirnya peperangan itu dapat ditamatkan. Muḥammad bin Abī Bakr diarahkan melindungi saudaranya ‘Ā’isyah dan membawanya pulang ke rumah ‘Abdullāh bin Khalaf al-Khuzā’ī, pemimpin Baṣrah yang mati berjuang di pihaknya. Semasa ‘Ā’isyah ditawan, ‘Alī (r.a) memberikan layanan dengan penuh penghormatan dan meletakkannya dalam kawalan saudaranya, Muḥammad semasa diiringi ke kota Madīnah.²⁰⁵

‘Abdullāh bin al-Zubayr yang cedera dalam peperangan itu diampuni atas permintaan ‘Ā’isyah sendiri.²⁰⁶ Marwān bin al-Ḥakam, setiausaha ‘Uthmān bin al-‘Affān juga diampuni. Pada akhirnya, ‘Alī (r.a) menunjukkan sikap yang mengagumkan dengan memberikan pengampunan secara besar-besaran kepada setiap musuhnya dan membebaskan tawanan perang.²⁰⁷

Peperangan ini membabitkan kemusnahan yang besar dari segi nyawa dan harta. Al-Mas’ūdī²⁰⁸ menyebutkan seramai 13 000 orang tentera ‘Ā’isyah dan 5000 orang

²⁰⁴ Al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.363-364; al-Tabārī, *Tarikh*, IV, h.535; Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.244; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.183; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.180-181.

²⁰⁵ Al-Tabārī, *ibid*, IV, h.548-565; Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.255; al-Ya’qūbī, *ibid*, II, h.183; al-Khwārizmī, *ibid*, h.179, 189.

²⁰⁶ Al-Mas’ūdī, *op.cit*, II, h.369.

²⁰⁷ *Ibid*, II, h.28.

²⁰⁸ *Ibid*, II, h.351, 371.

kerana dia berhasrat menarik diri daripada peperangan, dan akhirnya dibunuh oleh ‘Amrū bin Jurmuz, salah seorang suruhan al-Aḥnaf bin Qays pada masa melakukan salat.²⁰⁴

Selepas serangan bertalu-talu terhadap tentera ‘Ā’isyah yang bertahan di sekeliling unta yang ditunggangi ‘Ā’isyah hingga berjaya ditumbangkan oleh Mālik al-Asyar, barulah akhirnya peperangan itu dapat ditamatkan. Muḥammad bin Abī Bakr diarahkan melindungi saudaranya ‘Ā’isyah dan membawanya pulang ke rumah ‘Abdullāh bin Khalaf al-Khuzā‘ī, pemimpin Baṣrah yang mati berjuang di pihaknya. Semasa ‘Ā’isyah ditawan, ‘Alī (r.’a) memberikan layanan dengan penuh penghormatan dan meletakkannya dalam kawalan saudaranya, Muḥammad semasa diiringi ke kota Madīnah.²⁰⁵

‘Abdullāh bin al-Zubayr yang cedera dalam peperangan itu diampuni atas permintaan ‘Ā’isyah sendiri.²⁰⁶ Marwān bin al-Ḥakam, setiausaha ‘Uthmān bin al-‘Affān juga diampuni. Pada akhirnya, ‘Alī (r.’a) menunjukkan sikap yang mengagumkan dengan memberikan pengampunan secara besar-besaran kepada setiap musuhnya dan membebaskan tawanan perang.²⁰⁷

Peperangan ini membabitkan kemasuhan yang besar dari segi nyawa dan harta. Al-Mas’ūdī²⁰⁸ menyebutkan seramai 13 000 orang tentera ‘Ā’isyah dan 5000 orang

²⁰⁴ Al-Mas’ūdī, *Mu’rif al-Dhahab*, II, h.363-364; al-Tabārī, *Tarikh*, IV, h.535; Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.244; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.183; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.180-181.

²⁰⁵ Al-Ṭabarī, *ibid*, IV, h.548-565; Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.255; al-Ya’qūbī, *ibid*, II, h.183; al-Khwārizmī, *ibid*, h.179, 189.

²⁰⁶ Al-Mas’ūdī, *op.cit*, II, h.369.

²⁰⁷ *Ibid*, II, h.28.

²⁰⁸ *Ibid*, II, h.351, 371.

tentera ‘Alī (r.’a) manakala yang lain mengatakan lebih kurang 16 796 orang tentera ‘Ā’isyah dan 1070 tentera ‘Alī (r.’a) terbunuh dalam perperangan ini. Mereka semuanya ditempatkan dalam satu liang lahad berdasarkan perintah ‘Alī (r.’a).²⁰⁹

1.5.2 – Perang al-Şiffin:

‘Alī bin Abī Tālib (r.’a) dalam perperangan al-Şiffin terpaksa menghadapi Mu‘awiyah bin Abī Šufyan dan tenteranya di al-Şiffin pada bulan Dhū al-Hijjah 36H/Mei 657M. Pertempuran di Şiffin juga telah disebutkan dalam beberapa buah hadith kerana menurut Abū Sa‘id al-Khuḍrī, Nabi (ṣ.a.w) memerintahkan umat Islam menyertai ‘Alī (r.’a) memerangi golongan *al-Qāsiqīn* yang merujuk kepada tentera al-Syām, bahkan dikatakan ‘Ammār bin Yāsir akan terbunuh di pihak tentera ‘Alī.²¹⁰

Ketokohan ‘Alī (r.’a) dalam perperangan dengan sikapnya yang sentiasa mendokong keadilan walaupun pada masa perang dapat dilihat dalam perebutan mendapatkan bekalan air. Pihak tentera Mu‘awiyah yang menguasai tempat berhampiran sungai Furāt tidak mengizinkan tentera ‘Alī mendapatkan bekalan air. Bagaimanapun selepas berlaku perperangan kecil di antara kedua-dua pihak, tentera ‘Alī telah berjaya menguasainya. Namun, tindakan sebaliknya dilakukan oleh ‘Alī (r.’a) terhadap tentera Mu‘awiyah dengan membenarkan mereka berbuat demikian.²¹¹

²⁰⁹ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.255; al-Tabarī, *Tarikh*, IV, h.538.

²¹⁰ Muslim, *Sahih*, IV, h.2235; al-Ya‘qūbī, *Tarikh*, II, h .184, 193; Sulaym, *al-Saqifah*, h.147; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.190; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.139; Ibn al-‘Imād, *Syadharat al-Dhahab*, I, h.45.

²¹¹ Ibn al-Āthīr, *op.cit*, III, h.285; al-Ya‘qūbī, *ibid*, II, h.187; al-Khwārizmī, *ibid*, h.203.

‘Alī (r.’a) membahagikan tenteranya seramai 90 000 orang kepada 7 ketumbukan yang setiap satunya dipimpin oleh seorang sahabat Nabi atau ketua yang terkemuka. Mereka terdiri daripada ‘Ammār bin Yāsir ‘Abd-Allāh bin ‘Abbās, Qays bin Sa‘d bin ‘Ubādah, ‘Abd-Allāh bin Ja‘far, Mālik al-Asytar, Asy‘ath bin Qays al-Kindī dan Sa‘id bin Qays al-Hamadani.

Mu‘āwiyah pula membahagikan tenteranya berjumlah 120 000 orang kepada 7 atau 8 ketumbukan dipimpin oleh ‘Amr bin al-‘Ās, ‘Abd-Allāh bin Amr bin al-‘Ās, ‘Ubaydullāh bin ‘Umar, Abū al-Awr, Dhū al-Kalā‘ al-Humayrī, ‘Abd-Rahmān bin Khālid bin al-Walīd dan Habīb bin Maslamah.

Setiap satu ketumbukan akan menghadapi lawan mereka kerana ‘Alī (r.’a) melakukan demikian bertujuan untuk mengelakkan kehilangan nyawa yang besar di kalangan umat Islam. Perang tersebut berlangsung sepanjang bulan Dhū al-Hijjah 36H/657M.

Pada bulan Muḥarram 37H/658M, perang tersebut berhenti kerana bulan tersebut diharamkan oleh Islam untuk berperang. ‘Alī (r.’a) menunjukkan sikapnya ingin berdamai dengan cuba membuka pintu perundingan kembali, namun tidak berhasil. ‘Alī (r.’a) juga dikatakan menjelaskan kepada Mu‘āwiyah bahawa beliau bersedia menjatuhkan hukuman Allah ke atas pembunuh ‘Uthmān sekiranya Mu‘āwiyah menamakan mereka yang terlibat. Bagaimanapun, Mu‘āwiyah tetap berkeras ingin menuntut bela dan tidak bersedia menerima sebarang syarat.²¹²

²¹² Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.289-290; Sulaym, *al-Saqifah*, h.109.

Oleh kerana segala usaha untuk berdamai menghadapi kebuntuan, perperangan disambungkan kembali pada awal bulan Šafar 37H/657M, berterusan dari pagi hingga petang bahkan lebih hebat daripada sebelumnya.²¹³

Dalam setiap keadaan sebelum memulakan perperangan, ‘Ali⁷ (r.a) memberikan beberapa perintah yang secara langsung menunjukkan prinsip dan metod yang digunakan olehnya dalam perperangan tersebut, dan di antaranya:

1. Tidak dibenarkan (tenteranya) memulakan perperangan kerana Allah tidak suka akan pertumpahan darah. Perang hanyalah bertujuan untuk mempertahankan diri.
2. Tidak dibenarkan memulakan serangan terhadap musuh, sebaliknya dibenarkan membalaas serangan itu kembali dengan penuh semangat dan keberanian.
3. Dalam pertandingan satu lawan satu, tidak dibenarkan membuang masa dengan berbicara tentang kelebihan diri sendiri, sebaliknya hendaklah berbicara tentang Allah dan Nabi-Nya.
4. Tidak dibenarkan mengejar dan membunuh orang yang melarikan diri dari medan perang kerana nyawa mereka begitu bernilai dan hendaklah dibiarkan mereka hidup.
5. Tidak dibenarkan membunuh orang yang cedera dan yang tidak boleh mempertahankan diri.
6. Tidak dibenarkan menanggalkan sesuatu daripada si mati sama ada untuk mendapatkan pakaian atau baju besi.
7. Tidak dibenarkan memotong bahagian anggota tubuh si mati untuk memalukan mereka.
8. Tidak dibenarkan merampas dan membakar.

¹³ Al-Tabari,⁷ *Tarikh*, V, h.47.

9. Tidak dibenarkan mencabul kehormatan kaum wanita.
10. Tidak dibenarkan mencederakan kaum wanita walaupun sekiranya mereka menyumpahi atau mencederai mereka.
11. Tidak dibenarkan mencederakan anak-anak.
12. Tidak dibenarkan mencederakan orang-orang tua atau yang lemah.²¹⁴

Pada peperangan di Ṣiffin, ‘Ammār bin Yāsir pahlawan veteran berusia 93 atau 94 tahun yang pernah berkhidmat kepada Nabi (ṣ.a.w) dalam perang Badr dan lain-lain dan menjadi panglima ‘Alī dalam perang al-Ṣiffin dibunuh oleh Abū al-‘Ādiyah atau al-Ghariyah al-Muzani.²¹⁵ Dalam hadith-hadith Nabi (ṣ.a.w) dikatakan bahawa ‘Ammār boleh menjadi penentu kebenaran dan kebatilan sesuatu pihak yang terbabit kerana Nabi (ṣ.a.w) pernah bersabda yang bermaksud: “ Wahai ‘Ammār, engkau akan dibunuh oleh puak pemberontak (*al-fi’ah al-bāghiyah*).”²¹⁶

Kesyahidan ‘Ammār (r.a) mencetuskan kemarahan ‘Alī (r.a) yang mulai menghadapkan serangan ke arah Mu‘awiyah yang dibentengi 5 ketumbukan pengawal. Dalam keadaan kritikal ini, ‘Alī (r.a) yang berusaha untuk menghindarkan kehilangan nyawa yang besar dan untuk menamatkan peperangan saudara tersebut secepat mungkin cuba menghadapkan cabaran terhadap Mu‘awiyah untuk menentangnya secara individu. Namun, cabaran itu ditolak oleh Mu‘awiyah kerana umum mengetahui kekuatan dan

²¹⁴ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.293.

²¹⁵ Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.310; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.191.

²¹⁶ Al-Bukhārī, *Sahih*, I, h.3; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.251-252; IV, h.21; al-Khwārizmī, *ibid*, h.191; al-Kanji al-Syāfi‘ī, *Kifayah al-Talib*, h.172; Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghabah*, IV, h.47; *al-Kamil*, III, h.310; al-Tabari, *Tarikh*, V, h.39, 41.

kewibawaan ‘Alī (r.’a).²¹⁷ Dalam pertemuan satu lawan satu dengan ‘Amr bin al-‘Ās, ‘Alī (r.’a) dapat mengalahkannya tetapi tidak membunuhnya kerana dikatakan ‘Amr yang berusaha mengelakkan dirinya daripada dibunuh telah menanggalkan pakaian atau menunjukkan anggota sulitnya.²¹⁸

Perang al-Šiffin yang terakhir berlaku pada 11, 12 dan 13 Šafar 37H/657M. Mu’āwiyah yang mulai merasakan bahang kekalahan cuba melarikan diri, tetapi dengan cadangan ‘Amr bin al-‘Ās supaya keputusan dibuat berdasarkan kitab Allah (*al-Taḥkim*), telah mengubahkan keadaan. Dikatakan hampir 500 naskhah al-Qur’ān diangkatkan pada tombak.²¹⁹

Keputusan berdasarkan kitab Allah telah menggugat sebahagian tentera ‘Alī (r.’a) yang digerakkan oleh Asy’ath bin Qays al-Kindī, para pengikutnya dan penduduk Kūfah. ‘Alī (r.’a) yang memahami perubahan taktikal dan muslihat Mu’āwiyah dan ‘Amr mendedak mereka meneruskan perperangan sehingga selesai kerana kemenangan sudah hampir dicapai menerusi Mālik al-Ashtar, bahkan ‘Alī (r.’a) sendiri menjelaskan bahawa beliau lebih mengenali Mu’āwiyah berbanding orang lain.²²⁰ Dalam sumber lain, beliau mengatakan: “ Sesungguhnya mereka tidak cenderung kepada kebenaran dan kalimah yang sama di antara kami dengan mereka.”²²¹ Namun, segala perintah dan arahannya diingkari dan bahkan mereka mengancam untuk meninggalkannya atau menyerahkannya

²¹⁷ Al-Tabārī, *Tarikh*, V, h.42.

²¹⁸ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.310.

²¹⁹ Al-Tabārī, *op.cit*, V, h.48; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.188; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.196.

²²⁰ Al-Tabārī, *ibid*, V, h.48-49.

²²¹ Al-Tabārī, *ibid*, V, h.49; Sulaym, *al-Saqifah*, h.147.

kepada Mu'āwiyah ataupun mengenakan tindakan seperti yang dilakukan terhadap 'Uthmān (r.'a) sekiranya kehendak mereka tidak dituruti. Kumpulan inilah yang kemudiannya dikenali sebagai *Khawārij*. Tindakan-tindakan mereka yang agresif memaksa gencatan senjata dimeterai kedua-dua belah pihak pada 13 Ṣafar 37H @ 31 Julai 657M.²²²

Dalam perperangan ini, kehilangan nyawa dan harta adalah begitu besar kerana terdapat hampir 70 atau 90 kali perperangan dilakukan. Kebanyakan ahli sejarah menyatakan bahawa seramai lebih kurang 70 000 orang mengalami kematian dengan 45 000 atau 50 000 orang daripada tentera Syām pimpinan Mu'āwiyah dan 25 000 orang lagi daripada tentera 'Irāq pimpinan 'Alī (r.'a). Di pihak 'Alī yang terbunuh ialah 'Ammār bin Yāsir, Abū al-Yaqzān, Hāsyim bin 'Utbah, Khuzaymah bin Thābit, 'Abd-Allāh bin Budayl dan Abū Hātim manakala di pihak Mu'āwiyah pula ialah Dhū al-Kalā al-Humayrī, 'Ubaydullāh bin 'Umar, Hasyab bin Dhī Zalim dan Hubaisy bin Sa'd al-Tayy. Seramai 87 orang daripadanya terdiri daripada anggota perang Badr.²²³

1.5.3 – Perang al-Nahrawan:

Perperangan al-Nahrawan berlaku pada tahun 37H/657M membabitkan 'Alī (r.'a) dan tenteranya dengan puak Khawārij²²⁴ yang dikatakan dalam hadith-hadith Nabi (s.'a.w) sebagai golongan *al-Māriqīn* yang turut diperintahkan kepada umat Islam untuk

²²² Al-Ṭabarī, *Tarikh*, V, h.49.

²²³ Al-Mas'ūdī, *Muruju al-Dhahab*, II, h.352; Sulaym, *al-Saqifah*, h.130; al-Ya'qūbī, *Tarikh*, II, h.188.

²²⁴ Al-Mas'ūdī, *ibid*, II, h.392; al-Ṭabarī, *op.cit*, V, h.92.

diperangi bersama-sama dengan ‘Ali^{r.a}.²²⁵ Puak Khawārij ini telah mendiami sebuah perkampungan iaitu *al-Harūrā’* berdekatan Kūfah dan dengan sebab itu, mereka dinamakan juga *al-Harūriyyah*.²²⁶

Mereka mulai berkembang menjadi suatu kumpulan yang bersifat fanatik dan membentuk kepercayaan-kepercayaan mereka yang tersendiri dan ekstrim. Mereka menganggap semua orang mu’mín adalah sama dan tiada sesiapa yang boleh mengenakan paksaan ke atas orang lain. Mereka membentuk kepercayaan “tiada keputusan kecuali hukum Allah” (*Lā hukm illa li-lلāh*) dan menurut al-Mas’ūdī, al-Asy’ath bin Qays adalah orang pertama yang menyebutkan perkataan tersebut.²²⁷

Mereka mempersalahkan ‘Ali^{r.a} dan menganggapnya bersalah kerana menerima keputusan manusia yang dikatakan sebenarnya menjadi milik Allah (s.w.t). Justeru, mereka membacakan ayat al-Qur’ān yang bermaksud:

“ Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu, Jika kamu mempersekuatkan (Tuhan), nescaya akan hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi, ”²²⁸

Kemudian mereka meminta beliau (r.a) bertaubat kerana kufur dan menjelaskan bahawa ‘Ali^{r.a} tidak wajar memberikan peluang kepada musuh untuk hidup. Untuk itu, ‘Ali^{r.a} membalaunya dengan membacakan ayat berikut yang bermaksud:

²²⁵ Al-Kanjī al-Syāfi’ī, *Kifayah al-Talib*, h.176; al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.194; Ibn ‘Asākir, *Tarikh*, III, h.202; al-Balādhurī, *Ansab al-Asyraf*, II, h.318; Sulaym, *al-Saqīfah*, h.126; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha’ir al-Uqba*, h.110; al-Mas’ūdī, *ibid*, II, h.394; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.193.

²²⁶ Al-Ya’qūbī, *ibid*, II, h.191; Sulaym, *ibid*, h.109; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.33; al-Muttaqī al-Hind, *Kanz al-Ummal*, VI, h.154. Lihat sama: Mahayuddin Yahya, *The Origins of Khawarij*, h.117.

²²⁷ Al-Mas’ūdī, *op.cit*, II, h.393.

²²⁸ Al-Qur’ān, surah al-Zumar (39): 65.

“ Maka bersabarlah kamu, sesungguhnya janji Allah adalah benar dan sekali-kali janganlah orang-orang yang tidak menyakini (kebenaran ayat-ayat Allah) itu menggelisahkan kamu.”²²⁹

‘Alī (r.’a) memberikan amaran dan mencela mereka kerana menyalahafsirkan *Lā hukm illa li-llāh*,²³⁰ menerima keputusan *al-Taḥkīm* dan memintanya bertaubat. Beliau menjelaskan bahawa kesalahan itu adalah angkara perbuatan mereka kerana keengganan mereka berperang, sebaliknya memberontak dan memaksanya menerima *al-Taḥkīm* dan membuat keputusan dalam majlis itu. Beliau menyimpulkan bahawa mereka tidak berhak memaksanya untuk mengingkari keputusan gencatan senjata yang mereka sendiri paksakan ke atasnya. Puak Khawārij mengakui kesalahan mereka dan bertaubat dan pada masa yang sama meminta ‘Alī (r.’a) berbuat demikian. Beliau menolaknya dan bahkan mengakui kedudukannya sebagai mu’mīn yang sejati dengan mengatakan: “ Adakah selepas keimananku kepada Rasulullah (ṣ.’a.w), penghijrahanku bersamanya dan perjuangan jihadku pada jalan Allah, aku memberikan penyaksian dan pengakuan kufur terhadap diriku sendiri.”²³¹

Puak Khawārij yang tidak berpuashati mengambil keputusan memberontak. Namun mereka menangguhkannya sehingga keputusan *al-Taḥkīm* diketahui dan tidak bersedia bertindak secara terang-terangan. Selepas *al-Taḥkīm*, mereka memaksa ‘Abd-Allāh bin Wahb al-Rasī dan mulai merancang untuk memberontak.²³²

²²⁹ Al-Qur’ān, surah al-Rūm (30): 60. Lihat: Al-Mas’ūdī, *Muṣṭafā al-Dhahab*, II, h.393; al-Ṭabarī, *Tarikh*, V, h.74.

²³⁰ Al-Khwārizmī, *al-Manaqib*, h.261.

²³¹ Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.344.

²³² Al-Ṭabarī, *op.cit*, V, h.74.

Di al-Nahrawān yang terletak tidak jauh dari kota Baghdād, mereka mulai bergerak secara rahsia dan berkumpul di sana. ‘Alī (r.’a) pada masa ini, belum memberikan perhatian terhadap mereka kerana tumpuannya adalah kepada golongan *al-Qāsiṭīn* yang diketuai Mu‘āwiyah dan penyusunan tentera untuk digerakkan ke Syria. Apabila diberitahu tentang puak tersebut, ‘Alī (r.’a) menuliskan perutusan meminta mereka menyertainya dalam ekspedisi ke Syria menentang Mu‘āwiyah. Sebaliknya mereka membalaunya dengan celaan dan menganggapnya sebagai kafir. Mereka dikatakan hanya akan mempertimbangkan tawaran itu selepas beliau mengakui kufur dan bersedia bertaubat.²³³

Cubaan puak Khawārij menyerang al-Madā'in dan kawasan-kawasan lain serta pembunuhan ‘Abd-Allāh bin Khabbāb,²³⁴ seorang sahabat Nabi (ṣ.a.w) yang mereka lakukan kerana keengganannya untuk menerima kepercayaan mereka serta anggapan Khawārij bahawa semua orang adalah kafir kerana tidak menyertai mereka telah memaksa ‘Alī (r.’a) mengubahkan perhatiannya. Sikap mereka yang semakin melampau mendesaknya bertindak cepat. Untuk itu, beliau (r.’a) menghalakan sasarannya ke al-Nahrawan dengan menghantarkan utusannya, al-Ḥārith bin Murrah al-‘Abdī meminta mereka menyerah diri tetapi telah dibunuh. ‘Alī (r.’a) yang berusaha mengelakkan perperangan telah cuba dengan sebaiknya untuk menyelesaiannya.

Beliau dikatakan menyerahkan bendera lambang keamanan (*rāyah al-amn*) untuk dipancangkan di luar kawasannya dan memberikan jaminan keselamatan kepada orang-orang yang berada di bawah naungannya, dan pada masa yang sama turut meminta

²³³ Al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.404.

²³⁴ Al-Mas’ūdī, *ibid*, II, 404; al-Ya‘qūbī, *Tarikh*, II, h.191; Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.342.

mereka supaya kembali ke al-Kūfah atau al-Madā'in. Bagi mereka yang berbuat demikian, akan terselamat daripada serangan. Dengan tindakan tersebut, sebahagian daripada mereka bersurai dan yang tinggal hanyalah ‘Abd-Allāh bin Wahb dengan pengikutnya seramai 1800 orang yang tetap ingin memerangi ‘Alī (r.’a).²³⁵

Selepas kepastian dibuat bahawa mereka sebenarnya puak Khawārij yang menentang Islam, barulah ‘Alī (r.’a) menghadapkan serangan kepada mereka. Dalam keadaan yang gawat, ‘Alī masih cuba memujuk mereka kembali dan bertaubat sebanyak tiga (3) kali, tetapi keengganannya dan serangan yang mereka lakukan tidak lagi memungkinkan perdamaian dapat dicapai. Dalam penentangan dan pemberontakan puak Khawārij ini dikatakan hanya 9 atau 10 orang sahaja yang terselamat dan berjaya melarikan diri ke Bahrayn dan Ahsā’ manakala yang lain, tewas dalam pertempuran tersebut, sedangkan di pihak ‘Alī (r.’a) pula, hanya 7 orang yang terbunuh.²³⁶

1.6 - Kewafatan:

Berhubung dengan kewafatan ‘Alī bin Abī Tālib (r.’a), terdapat beberapa pendapat mengenainya. Sebahagian mengatakan beliau (r.’a) wafat pada malam 17 Ramaḍān tahun 40H/ 29 Januari 661M²³⁷ di kota Kūfah. Sebahagian yang lain

²³⁵ Al-Tabarī, *Tarikh*, V, h.86; Ibn al-Āthīr, *al-Kamil*, III, h.346. Lihat: Mahayuddin Yahya, *The Origins of the Khawārij*, h.125.

²³⁶ Al-Mas’ūdī, *Murūj al-Dhahab*, II, h.406; Ibn al-Āthīr, *ibid*, III, h.348; Sulaym, *al-Saqifah*, h.130; al-Ya’qūbī, *Tarikh*, II, h.191; al-Tabarī, *ibid*, V, h.89.

²³⁷ Al-Mas’ūdī, *ibid*, II, h.414; al-Tabarī, *ibid*, V, h.143; Ibn Qutaybah, *al-Ma’arif*, h.70; al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.113; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II, h.372; Muhibb al-Dīn al-Tabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.115; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.117; Ibn al-Maghāzilī, *Manaqib*, h.23; Sibṭ ibn al-Jawzī, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.178; Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Isabah*, II, .510; Ibn Abī al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.15; Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghabah*, IV, h. 120; al-Bahrānī, *Ghayat al-Maram*, h.16; al-Dhahabī, *Tadhkirah al-Huffaz*, I, h.13.

mengatakan beliau ditetak pada 17 Ramaḍān dan wafat pada 19 Ramaḍān tahun 40H/661M²³⁸ manakala pendapat seterusnya mengatakan beliau ditetak pada malam Rabu 19 Ramaḍān dan wafat pada malam Jumaat 21 Ramaḍān tahun 40H/661M.²³⁹

Beliau wafat disebabkan tetakan pedang pada bahagian kepalanya oleh ‘Abd al-Rahmān ibn Muljam al-Murādī atau ‘Abd al-Rahmān bin ‘Amrū daripada puak Khawārij. Berdasarkan hadith Nabi (ṣ.a.w) dijelaskan bahawa Ibn Muljam adalah seorang manusia di kalangan orang-orang terkemudian yang paling malang (*asyqā al-ākhirin*).²⁴⁰ Kewafatan ‘Alī (r.a) dikatakan berlaku pada hari yang sama dengan penurunan al-Qur’ān, pengangkatan Nabi ‘Isā (‘a.s) ke langit dan pembunuhan Yusyā‘ bin Nūn²⁴¹ atau Nabi Mūsā (‘a.s).²⁴²

Dalam kebanyakan sumber menunjukkan bahawa ‘Alī bin Abī Tālib (r.a) sendiri telah pun mengetahui Ibn Muljam sebagai pembunuohnya, bahagian tubuh yang bakal ditetak dengan pedang²⁴³ serta hari pembunuhan itu bakal dilakukan.²⁴⁴ Dikatakan bahawa pada malam yang berkenaan, beliau tidak dapat tidur dan mundar-mandir di

²³⁸ Al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II, h.372; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.16.

²³⁹ Al-Mas’ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.414; Abū al-Farj al-İsbahānī, *Maqatil al-Talibiyin*, h.54; al-Amin, *A’yan al-Syi’ah*, (bhg.II), h.249.

²⁴⁰ Muhibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakha’ir al-‘Uqba*, h.115-116.

²⁴¹ Al-Mas’ūdī, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.154; Ibn al-Maghāzīlī, *op.cit*, h.25; Sibṭ ibn al-Jawzī, *op.cit*, h.178; al-Mas’ūdī, *op.cit*, II, h.414.

²⁴² Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, III, h.143.

²⁴³ Al-Ḥākim, *ibid*, III, h.141; Ibn al-Jawzī, *Sifat al-Safwah*, I, h.332.

²⁴⁴ Ibn Hajar al-Haythamī, *al-Sawa’iq al-Muhrīqah*, h.206-207.

antara pintu dan biliknya dengan katanya: “ Aku tidak berdusta, inilah malam yang dijanjikan.”²⁴⁵

Menurut keterangan Ibn Syihāb, dikatakan bahawa di Bayt al-Maqdis pada hari kewafatan ‘Alī (r.a), apabila batu-batu yang berada di sana diangkatkan, terdapat darah yang masih segar ditemui di bawahnya, dan kenyataan ini kemungkinan bersumber daripada beliau sendiri yang mengatakan darah pada batu itu adalah darahnya sendiri.²⁴⁶ Ibn ‘Abbās mengatakan bahawa pada pagi hari ‘Alī bin Abī Tālib (r.a) dibunuh, beliau telah bermimpi pada malam sebelumnya, bukit Abī Qubays telah pecah berkecaci dan berderai lalu gugur menimpa kawasan sekitar Ka‘bah, kota Makkah dan kawasan sekitarinya dipenuhi debu-debu bukit itu hingga orang ramai tidak dapat melihat.²⁴⁷

Berhubung dengan usia beliau ketika wafat juga terdapat kepelbagaiuan dari segi pendapat. Dikatakan bahawa usianya ketika wafat adalah 57, 58, 59, 63, 64, dan 65 tahun.²⁴⁸ Bagaimanapun, menurut Ja‘far bin Muḥammad, Muḥammad al-Ḥanafiyah, Muḥammad bin ‘Umar, Ibn Iṣhāq, Hisyām dan sumber-sumber yang disepakati, usia ‘Alī bin Abī Tālib (r.a) ketika wafat adalah 63 tahun iaitu 10 tahun sebelum *bi’tah*, 23 tahun bersama-sama Nabi (ṣ.a.w) selepas *bi’tah* (meliputi 13 tahun di kota Makkah dan 10 tahun di kota Madinah) dan 30 tahun selepas kewafatan Nabi (ṣ.a.w).²⁴⁹

²⁴⁵ Al-Mas‘ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.413.

²⁴⁶ Al-Mas‘ūdī, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.153; al-Syablanjī, *Nur al-Absar*, h.120-122; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakha’ir al-Uqba*, h.15.

²⁴⁷ Al-Mas‘ūdī, *ibid*, h.153.

²⁴⁸ Al-Mas‘ūdī, *ibid*, h.151; Ibn al-Āthīr, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.122; Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *op.cit*, h.116; al-Syablanjī, *op.cit*, h.117; Ibn al-Maghāzīlī, *Maqaqib*, h.24-25.

²⁴⁹ Al-Tabārī, *Tarikh*, V, h.151-152; al-Mas‘ūdī, *Muruj al-Dhahab*, II, h.349; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.33; al-Hākim, *al-Mustadrak*, III, h.145; al-Qandūzī al-Ḥanafī, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II,

Zaman kekhilafahan ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a) bermula dari 25 Dhū al-Hijjah tahun 35H/656M dengan bai’ah diberikan selepas pembunuhan ‘Uthmān al-‘Affān (r.’a)²⁵⁰ sehingga 21 Ramaḍān tahun 40H/661M memakan masa selama lebih kurang 4 tahun 7 bulan, 4 tahun 8 atau 9 bulan dan 6, 15 ataupun 18 hari.²⁵¹

Sebelum pemakaman ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a), al-Ḥasan, al-Ḥusayn, Muḥammad al-Ḥanafiyah²⁵² dan ‘Abd-Allāh bin Ja‘far²⁵³ terlibat melakukan upacara pemandian jenazah. Muḥammad al-Ḥanafiyah bertugas menyiramkan air manakala al-Ḥasan dan al-Ḥusayn memandikannya.²⁵⁴ Seterusnya beliau dikafangkan dengan 3 helai pakaian berwarna putih²⁵⁵ tanpa baju dan serban (*‘amāmah*).²⁵⁶ Selanjutnya, al-Ḥasan telah meletakkan jenazah tersebut di atas katil dan menyembahyangkan bapanya dengan lima kali takbir yang dilakukan di masjid al-Ǧāmi‘ atau al-Jamā‘ah di al-Raḥbah.²⁵⁷ Jenazah ‘Alī (r.’a) dibawa pada lewat malam ke kawasan Najaf yang terletak tidak jauh dari kota Kūfah.

²⁵⁰ h.372; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.15; Ibn Hajar al-Haythami, *al-Sawa‘iq al-Muhrīqah*, h.206; al-Amin, *A‘yan al-Syī‘ah*, (bhg.II), III, h.250.

²⁵¹ Al-Mas‘udi, *Muruj al-Dhahab*, II, h.349; Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Isabah*, II, h.510.

²⁵² Al-Tabari, *Tarikh*, V, h.152-153; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, h.113; Ibn al-Athir, *Uṣd al-Ghabah*, IV, h.122; al-Amin, *op.cit.* (bhg.II), III, h.250; Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha‘ir al-‘Uqba*, h.116.

²⁵³ Al-Qanduzi al-Ḥanafī, *op.cit.*, II, h.372.

²⁵⁴ Muhibb al-Din al-Tabari, *op.cit.*, h.115; Ibn al-Athir, *op.cit.*, IV, h.120; al-Tabari, *op.cit.*, V, h.148.

²⁵⁵ Al-Qanduzi al-Ḥanafī, *op.cit.*, II, h.372; Ibn Hajar al-Haythami, *op.cit.*, h.206; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.118.

²⁵⁶ Al-Tabari, *op.cit.*, V, h.148; Ibn al-Athir, *op.cit.*, IV, h.120.

²⁵⁷ Al-Kanji al-Syāfi‘i, *Kifayah al-Talib*, h.470.

Berhubung dengan tempat pemakaman ‘Alī (r.’a), menurut Zayn al-Dīn Abū Rasyid al-Ḥāfiẓ tiada seorang pun mengetahuinya sehingga sampai ke zaman Hārūn al-Rasyid.²⁵⁸ Kontroversi telah timbul kerana dikatakan terdapat lebih kurang empat atau enam pendapat berhubung dengan kedudukan makamnya. Tempat-tempat tersebut di antaranya adalah di Qasr al-Imārah,²⁵⁹ di al-Baqī‘, kota Madīnah bersebelahan dengan makam isteri beliau, Fāṭimah bint Muḥammad (s.’a.w), di Masjid Kūfah, di al-Raḥbah, Kūfah,²⁶⁰ di sebuah bilik dalam rumah keluarga Ju‘dah bin Hubayrah al-Makhzūmī dan yang terakhir di al-Ghariy, al-Najaf, Kūfah.²⁶¹

Sehubungan dengan ini, ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.’a) dikatakan pernah mewasiatkan kedua-dua orang anaknya, al-Hasan (r.’a) dan al-Ḥusayn (r.’a) supaya membawa jenazahnya dan menyempurnakan pemakamannya pada waktu malam²⁶² di suatu tempat ditemui batu besar (*sakhrah*) berwarna putih yang bercahaya (*talma’*) dan kemudian mereka berdua diminta menggali dan mengebumikannya di situ.²⁶³

²⁵⁸ Al-Qanduzi al-Hanafi, *Yanabi’ al-Mawaddah*, II, h.373.

²⁵⁹ Lihat: Al-Tabari, *Tarikh*, V, h.151-152; Ibn Qutaybah, *al-Ma’arif*, h.70; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, III, h.33-40; Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha’ir al-Uqba*, h.115; al-Kanji al-Syafi‘i, *Kifayah al-Talib*, h.470; Sibt ibn al-Jawzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.178.

²⁶⁰ Muhibb al-Din al-Tabari, *ibid*, h.114; al-Kanji al-Syafi‘i, *ibid*, h.471; al-Mas‘udi, *Muruj al-Dhahab*, II, h.350.

²⁶¹ Lihat: Al-Mas‘udi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.151; *Muruj al-Dhahab*, II, h.349; al-Qanduzi al-Hanafi, *op.cit*, II, h.372; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.118; al-Kanji al-Syafi‘i, *ibid*, h.471; al-Khwarizmi, *al-Manaqib*, h.392; al-Fairuzabadi, *al-Qamus al-Muhit*, IV, h.295; Sibt ibn al-Jawzi, *op.cit*, h.179; al-Bahrani, *Ghayah al-Maram*, h.16.

²⁶² Al-Mas‘udi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.153; Muhibb al-Din al-Tabari, *op.cit*, h.114.

²⁶³ Al-Qanduzi al-Hanafi, *op.cit*, II, h.372; al-Kanji al-Syafi‘i, *op.cit*, h.471.

Dalam sumber yang lain pula dikatakan bahawa pemakaman itu berlaku di suatu tempat ditemui sekeping papan (*lauh*) bertulisan bahasa Syria²⁶⁴ atau kayu (*khasybah*) yang Nabi Nūḥ ('a.s) sediakan untuknya²⁶⁵ di sebuah bukit berdekatan Najaf, Kūfah.²⁶⁶ Menurut al-Mas'ūdī lagi, Nabi Ādām ('a.s), Nabi Nūḥ ('a.s) dan 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) ditempatkan dalam makam yang sama.²⁶⁷

Al-Ḥusayn bin 'Alī (r.'a) pernah mengatakan bahawa mereka menghapuskan sebarang kesan tempat pemakaman 'Alī bin Abī Tālib (r.'a) berdasarkan wasiat yang disampaikan secara rahsia oleh beliau (r.'a) sendiri kerana bimbang akan pemerintah Bani Umaiyyah²⁶⁸ dan puak Khawārij.²⁶⁹ Ini kerana pada zaman tersebut, Mu'āwiyah dan kaum keluarganya begitu memusuhi 'Alī (r.'a), *Ahl al-Bayt* dan Bani Hāsyimnya hingga mereka sanggup melepaskan perasaan permusuhan mereka tanpa mengira orang yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia.²⁷⁰

Kenyataan tersebut bertepatan dengan keterangan Ja'far bin Muḥammad yang mengatakan bahawa 'Alī (r.'a) menyuruh kedua-dua orang anaknya, al-Hasan (r.'a) dan

²⁶⁴ Lauh dalam tulisan berbahasa Syria bererti: " Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Makam ini telah disediakan oleh Nabi Nuh ('a.s) untuk 'Ali (r.'a), pengganti Muhammad (s.'a.w) 700 tahun sebelum terjadinya banjir besar."

²⁶⁵ Al-Mas'udi, *Ithbat al-Wasiyyah*, h.151.

²⁶⁶ Dalam suatu riwayat daripada Ja'far al-Sadiq (r.'a) dikatakan bukit itu adalah tempat anak Nabi Nūḥ mencari perlindungan daripada banjir besar seperti dinyatakan dalam al-Qur'an (surah Hud (11): 43) (Lihat: Al-Saduq, *Man La Yahduruh al-Faqih*, II, h.351-352.)

²⁶⁷ Al-Mas'udi, *op.cit*, h.151.

²⁶⁸ Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, h.471; Sibt ibn al-Jawzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, h.179; al-Muttaqi al-Hind, *Kanz al-'Ummal*, VI, h.39, 36; al-Hakim, *al-Mustadrak*, IV, h.480; Sulaym, *al-Saqifah*, h.158.

²⁶⁹ Ibn Hajar al-Haythami, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, h.206; al-Amin, *A'yān al-Siyāh*, (bhg.II), III, h.258.

²⁷⁰ Keterangan selanjutnya, lihat: Al-Maqrizi, *al-Niza' wa al-Takhasum fi-ma Bain Bani Hasyim wa Bani Umaiyyah*.

al-Ḥusayn (r.'a) supaya menyediakan empat (4) buah kubur untuknya di empat (4) buah tempat, bertujuan supaya tiada seorang pun di antara musuh-musuhnya mengetahui kedudukan makamnya.²⁷¹

Oleh yang demikian, makam ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.'a) tidak diketahui oleh sesiapa pun kecuali kaum kerabat beliau dan sahabat-sahabatnya yang amanah.²⁷² Hanya selepas kunjungan Ja‘far al-Ṣādiq (r. ‘a) ke al-Ḥirah pada zaman pemerintahan Abū al-‘Abbās al-Saffāḥ, khalifah Bani ‘Abbāsiyyah, makam tersebut mulai diketahui orang terutama di kalangan para pengikut mereka. Maqam tersebut dikatakan terletak berdekatan kota Najaf.²⁷³

Namun demikian, hanya selepas 150 tahun kewafatannya, barulah makam tersebut diketahui semua orang pada zaman Bani ‘Abbāsiyyah yang diperintah oleh Khalifah Hārūn al-Rasyīd (170-193H/786-809M). Ini berdasarkan keterangan dalam sebuah riwayat yang menyebutkan bahawa Hārūn al-Rasyīd sewaktu dalam perjalanan untuk memburu rusa di Najaf yang terkenal dengan binatang tersebut, mendapati suatu keanehan ketika melihat anjing-anjing pemburunya yang mengejar rusa-rusa itu berpatah balik apabila gagal mengejar rusa-rusa yang lari ke sebuah bukit di Najaf. Peristiwa itu berlaku beberapa kali dan anjing-anjingnya itu tetap enggan menaiki bukit tersebut. Apabila ditanya orang-orang tua mengenai bukit tersebut, lalu diberitahu bahawa di atas bukit itu terdapat makam ‘Alī bin Abī Ṭālib (r.'a). Oleh kerana itu,

²⁷¹ Ibn Tawus, *Farhah al-Ghariy*, h.9, 27; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, h.35; Mahir, *Masyhad al-Imam ‘Ali*, h.119.

²⁷² Ibn Abi al-Hadid, *ibid*, I, h.16; al-Amin, *A‘yan al-Syi‘ah*, (bhg.II), III, h.262.

²⁷³ Al-Amin, *ibid*, (bhg.II), III, h.263.

Hārūn al-Rasyīd dikatakan telah mendirikan sebuah binaan dan sering menziarahinya setiap tahun sehingga dia meninggal dunia.²⁷⁴

Berdasarkan keterangan daripada sumber *Ahl al-Bayt* Rasulullah (ṣ.a.w) dan persepakatan para ulama' Islam yang menganggapkannya sebagai *mutawātir* dikatakan bahawa tempat pemakaman 'Alī bin Abī Tālib (r.a) yang sebenar adalah di al-Ghāri, Najaf, Kūfah²⁷⁵ yang sehingga kini menjadi tempat ziarah dan perlindungan (*ma'wā*) bagi umat Islam.

²⁷⁴ Al-Kanji al-Syāfi'i, *Kifayah al-Tālib*, h.472; al-Ya'qūbī, *Tarikh*, h.189; al-Tūsi, *Kitab Madi al-Najaf wa Hadiru-hu*, I, h.37; al-Amin, *A yan al-Syi'ah*, (bhg.II), III, h.264; Māhir, *Masyhad al-Imam 'Ali*, h.110.

²⁷⁵ Muhibb al-Dīn al-Tabārī, *Dhakha'ir al-'Uqba*, h.115; Ibn Abī al-Hadīd, *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, n.16; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, h.118; al-Qandūzī al-Hanafī, *Yanabi' al-Mawaddah*, II, h.373; al-Bahrānī, *Ghayat al-Marām*, h.16; al-Amin, *ibid*, (bhg.II), h.262. Lihat sama: Abdul Aziz Sachedina, "'Ali bin Abi Talib," dlm. *The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*, I, h.74.